



**Menangi
Peraduan!**
MS 18 & 28



MAC 16-31, 2019



PERCUMA

BULETIN MUTIARA



www.buletinmutiara.com



buletinmutiara | ChowKonYeow



chowkonyeow



@ChowKonYeow

IKEA di Pulau Pinang

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **AHMAD ADIL
MUHAMAD & DARWINA MOHD.
DAUD**

BUKIT TAMBUN - Gedung membeli-belah barang kelengkapan rumah terbesar di wilayah utara, IKEA Batu Kawan dibuka secara rasminya kepada pengunjung.

Majlis perasmian pembukaan gedung berkenaan disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di sini 14 Mac lalu.

Beliau menyifatkan pembangunan IKEA dengan nilai pelaburan berjumlah RM650 juta sebagai projek pemangkin yang mampu menarik lebih banyak pelaburan lain ke kawasan Batu Kawan.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak IKEA kerana membuka stor pertama di wilayah utara Semenanjung Malaysia di Batu Kawan.

"Sejak tanah-tanah di sini diambil alih pada tahun 1990-an, selain daripada stadium dan dua fasa perumahan, dalam tempoh ini masih gagal menarik pelabur masuk ke sini.

"Namun, selepas nama-nama besar seperti IKEA bersama-sama dengan Aspen (Group) melakukan pelaburan melalui pembelian lebih 200 ekar tanah milik PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) untuk tujuan pembangunan bercampur, kita boleh sifatkan ia sebagai projek pemangkin yang dapat membawa projek-projek lain masuk ke Batu Kawan.

"Kawasan ini dijangka akan menjadi bandar pesat apabila fasa-fasa seterusnya berjaya dibangunkan dalam jangka masa lima hingga 10 tahun akan datang oleh pihak Aspen (Group)," katanya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng; barisan kepimpinan Kerajaan Negeri; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Pengurus Besar IKEA Bahagian Asia Tenggara, Christian Roejkjaer; Duta Sweden di Malaysia, Dag Juhlin-Dannfelt serta ramai lagi.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa PDC juga sedang berusaha memajukan tanah milik mereka di Batu Kawan melalui projek pembinaan rumah mampu milik untuk menarik lebih banyak pelaburan.

"Justeru, saya ucapan terima kasih kepada Aspen (Group), IKEA dan PDC kerana memberi fokus kepada projek ini dan sekaligus mengerakkan pembangunan di



RAKAMAN
pemandangan udara gedung IKEA.

kawasan ini," ujarnya.

Berucap sebelum itu, Guan Eng yang memuji langkah diambil pihak IKEA dengan mementingkan aspek kelestarian dalam pembinaan gedung berkenaan.

"Pembinaan bangunan ini yang dilengkapi dengan panel solar, sistem penangkap air hujan dan peralatan cekap tenaga akan membantu pihak IKEA dalam mengurangkan penggunaan tenaga dan air selain dapat mengurangkan pembuangan sisa."

"IKEA membuktikan bahawa pembangunan mampan juga boleh menyumbang secara positif kepada perniagaan yang menguntungkan," jelasnya.

Selain menawarkan akses mudah kepada 8,000 produk kelengkapan rumah gaya Sweden dengan reka bentuk menarik, berfungsi dan mampu milik, IKEA turut menyediakan restoran yang mampu menampung seramai 756 pelanggan dengan tawaran beraneka jenis makanan lazat.

IKEA Batu Kawan merupakan cawangan pertama di wilayah utara tanah air dan beroperasi di alamat 752, Persiaran Cassia Selatan 8, Pulau Pinang.



TELATAH Ketua Menteri dan Lim Guan Eng di ruang pameran dapur pada Majlis Perasmian Pembukaan IKEA di sini baru-baru ini.

Pulau Pinang terajui agenda pembangunan wanita dalam negara

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

Gambar : CHAN KOK KUAN

GEORGE TOWN - Selaras dengan Dasar Keterangkuman Gender diilhamkan Kerajaan Negeri, penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) di setiap KADUN negeri ini membolehkan Pulau Pinang menerajui dalam agenda memajukan pembangunan wanita.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, sinonim dengan ungkapan '*Penang Leads*', Pulau Pinang menjadi satu-satunya negeri dalam negara yang mewujudkan jawatankuasa yang dianggotai 100 peratus wanita.

"Jawatankuasa ini akan memainkan perannya sebagai pengantara antara Kerajaan Negeri dan komuniti setempat serta sebaliknya.

"Selain memastikan penubuhan jawatankuasa ini menerapkan nilai-nilai visi *Penang 2030*, saya percaya ia (JPWK) juga memberi peluang kepada golongan wanita terlibat dalam proses membuat keputusan di peringkat akar umbi.

"(Dan) akan membawa perubahan strategik dengan memfokuskan kepada pembangunan wanita dan keluarga," ujarnya yang turut mengharapkan agar pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini dapat dilaksanakan di seluruh negara kelak.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Komuniti Senamrobik sempena sambutan Hari Wanita Sedunia 2019 yang diadakan di Padang Kota Lama di sini 10 Mac

lalu.

Program anjuran JPWK Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Kota tersebut turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalauan Kota, Daniel Gooi Zi Sen serta pimpinan JPWK KADUN Padang Kota.

Menurut Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota, Kerajaan Negeri kini menumpukan kepada keseimbangan dalam melaksanakan dasar-dasar di semua lapisan masyarakat.

"Malah dalam pertembangan Bajet 2019 Pulau Pinang yang saya bentangkan November tahun lalu, turut ditekankan bahawa 'Wanita sebagai Tuggak Negeri'.

"Rentetan itu, (Kerajaan Negeri) Pulau Pinang memulakan langkah awal dengan menubuhkan portfolio Keterangkuman Gender bagi melaksanakan pelbagai program dengan melibatkan golongan wanita.

"Jadi, saya berharap JPWK di semua KADUN dapat memainkan peranan yang diharapkan," katanya yang memuji keberanian jawatankuasa berkaitan menganjurkan program di peringkat komuniti tersebut.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut meluangkan masa bersenamrobik bersama-



KETUA Menteri merakam gambar kenangan bersama-sama ahli jawatankuasa penganjur, jemputan dan peserta penganjuran Program Komuniti Senamrobik sempena sambutan Hari Wanita Sedunia 2019 anjuran JPWK KADUN Padang Kota di sini baru-baru ini.

sama komuniti setempat selain melawat ke ruang pameran yang dijajakan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Pertanian Negeri dan lain-lain agensi

berwajib.

Difahamkan, program tersebut adalah yang pertama dianjurkan JPWK KADUN Padang Kota melibatkan penyertaan pelbagai agensi dan komuniti setempat.

'Seimbang Untuk Sejahtera', tema Sambutan Hari Wanita Sedunia 2019

GEORGE TOWN - 'Seimbang Untuk Sejahtera' dipilih sebagai tema sambutan Hari Wanita Sedunia 2019 yang diraikan pada 8 Mac lalu.

Tema itu dipilih bagi meraikan wanita-wanita di seluruh dunia yang menjadi tuggak dalam pembentukan keluarga penyayang serta pemangkin terhadap kemajuan negara.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng ketika hadir menyempurnakan majlis sambutan tersebut berkata, mesej penting tahun ini adalah golongan wanita perlu diberi peluang sama rata sejajar dengan tema 'Seimbang Untuk Sejahtera'.

"Keseimbangan terhadap wanita harus diberikan dalam aspek ekonomi, keusahawanan, politik dan sebagainya."

"Bagai berat sama dipikul, ringan sama dijinjing haruslah diamalkan oleh suami isteri dalam kehidupan bagi menyeimbangkan kerjaya serta tugas seorang isteri," ucapnya pada majlis berkaitan di sini.

Hadir sama, Ketua Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) Setia Urus, Dato' Ir. Ang Choo Hong; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng; Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) Pulau Pinang, Marhaini Abu Bakar dan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Shaballah Zainal Abidin.

Dalam pada itu, Chong Eng memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang melancarkan Dasar Keterangkuman Gender (DKG) pertama dalam negara bagi mengurangkan ketidak samaranan jantina serta menambah baik kesedaran sivik masyarakat.

"Selain itu, baru-baru ini Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) di setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) juga ditubuhkan yang mana 15 orang ahlinya adalah terdiri daripada wanita," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.



Draf akhir RSNPP 2030 bakal ke mesyuarat MPFN April ini sebelum diwartakan

GEORGE TOWN - Draf akhir bagi Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2030 akan dibawa ke mesyuarat Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) bagi mendapatkan arahan dan nasihat sebagaimana peruntukan perenggan 10(4)(a), Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172) sebelum boleh diwartakan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC) Pulau Pinang pada 14 Mac 2019 telah bersetuju menerima dan meluluskan pindaan draf RSNPP 2030 serta mengesyorkan agar draf berkaitan dibawa ke mesyuarat MPFN, April ini.

"Penyediaan RSNPP 2030 merupakan cerminan kesungguhan Kerajaan Negeri ke arah memastikan hala tuju pembangunan yang lebih jelas bagi tempoh perancangan negeri Pulau Pinang sehingga tahun 2030.

"Ia (RSNPP 2030) juga selaras dengan visi Penang2030 : "A Family-focused, Green and Smart State that Inspires the Nation", dan memandangkan dokumen RSNPP ini adalah dokumen milik bersama, justeru Kerajaan Negeri berharap ia akan dijadikan sebagai panduan serta rujukan utama kepada seluruh jentera pentadbiran dalam memastikan segala dasar dan polisi yang digital dapat dilaksanakan."

"(Dan) segala projek-projek khasnya yang berimpak tinggi dan telah dicadangkan dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan bagi manfaat seluruh rakyat Pulau Pinang khasnya dan Malaysia amnya," ujarnya pada sidang media di sini 19 Mac lalu.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Pengarah PLANMalaysia Pulau Pinang, TPr. Idris Abdul Rahim; Timbalan Pengarah (Pembangunan) PLANMalaysia Pulau Pinang, Mursidin Ismail dan Timbalan Pengarah (Perancangan) PLANMalaysia Pulau Pinang, Mohd. Bashir Sulaiman.

Menurut Kon Yeow, SPC turut mengesyorkan agar mengekalkan cadangan *Penang Transport Master Plan* (PTMP), cadangan Zon Tebus Guna Tanah (*reclamation*) termasuk *Penang South Reclamation* (PSR) dan Unjuran Penduduk dalam draf RSNPP 2030.

"Ia juga perlu mengambil kira penyelarasan dengan intipati Agenda Penang2030 serta Rancangan-rancangan Tempatan oleh kedua-dua pihak berkuasa tempatan, iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSB).

"Setelah dibawa ke mesyuarat MPFN, draf RSNPP 2030 ini perlu disampaikan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) untuk mendapatkan persetujuan Kerajaan Negeri selaras dengan subseksyen 10(6), Akta 172 sebelum diwartakan," katanya.



KETUA MENTERI bersama-sama Jagdeep Singh Deo (dua dari kanan) dan dua wakil PLANMalaysia melihat sepaduk keterangan berhubung RSNPP 2030 sejurus sidang media di sini baru-baru ini.

Terdahulu, Kon Yeow memaklumkan seramai 69 orang hadir pada Sesi Pendengaran Awam yang diadakan sebanyak lima kali iaitu pada 13, 14, 15 dan 22 Februari 2019 serta 6 Mac 2019.

"Selaras peruntukan Seksyen 10(3), Akta 172, Sesi Pendengaran Awam diadakan dengan kehadiran para pembantah bagi menjelaskan rasional dan justifikasi sesuatu cadangan, pandangan atau bantahan yang dikemukakan ke atas kandungan draf RSNPP 2030.

"Mereka (pembantah) ini terdiri daripada 54 awam, sembilan daripada badan bukan kerajaan (NGO), syarikat swasta (3) dan jabatan atau institusi awam (3) berbanding yang setuju hadir 228 daripada 533 borang bantahan yang diterima.

"Antara maklum balas borang bantahan yang diterima mengikut isi adalah *Penang Transport Master Plan* sebanyak 20.08 peratus, Tebus Guna Tanah (24.95%), Unjuran Penduduk (7.32%), Pembangunan Tanah Tinggi (3.94%), Hutan atau Kawasan Sensitif Alam Sekitar (5.07%), Tanah Pertanian (17.44%) dan Lain lain (21.20%)," jelasnya.

Difahamkan, melalui mesyuarat SPC pada 16 Ogos 2018,

tempoh dua bulan diberikan bagi mengadakan Program Publisiti dan Penyertaan Awam berbanding keperluan dalam Akta 172 yang hanya memperuntukkan minimum satu bulan.

Program Publisiti dan Penyertaan Awam telah diadakan pada 18 September sehingga 19 November 2018 lalu dengan membabitkan orang awam, pihak berkuasa tempatan, jabatan atau agensi kerajaan persekutuan, negeri dan badan berkanun serta badan-badan bukan kerajaan dan pimpinan masyarakat.

Draf RSNPP 2030 adalah dokumen perancangan berbentuk pernyataan bertulis yang mengandungi polisi dan dasar-dasar perancangan negeri Pulau Pinang sehingga tahun 2030. Apabila diwartakan kelak, ia akan menggantikan RSNPP 2020 yang akan tamat tempoh perancangannya menjelang tahun 2020.

Penyediaan draf RSNPP 2030 berkaitan adalah selaras dengan keperluan Seksyen 11(1), Akta 172 iaitu - "Sesuatu Rancangan Struktur yang telah mula berkuat kuasa adalah tertakluk kepada kajian semula setiap lima tahun seiring dengan penyediaan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negeri. Kajian semula itu hendaklah berkaitan dengan seluruh negeri itu.

Dua pihak terima Skim 'Rent-to-Own', satu setuju beli rumah kos sederhana rendah - Exco

GEORGE TOWN - Dua pihak yang hilang kelayakan menghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Manggis, lalu berkhemah beberapa hari di lobi Komtar, akhirnya bersetuju menerima tawaran Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang untuk memiliki rumah kos rendah melalui Skim Sewa Beli (*Rent-to-Own Scheme*).

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, sementara baki satu pihak lagi bersetuju membeli rumah kos sederhana rendah (KSR) di Daerah Timur Laut, tanpa melalui skim sewa beli.

Menurut beliau, pihaknya gembira dengan perkembangan terbaru itu selepas beberapa siri rundingan dengan mereka yang berkenaan dibuat sebelum ini.

"Sebagaimana yang telah saya katakan sebelum ini, mereka yang hilang kelayakan untuk PPR bukan bermakna mereka hilang kelayakan untuk kategori (perumahan) lain.

"Apa yang berlaku, kita telah berbincang dengan beberapa penghuni yang berada di Komtar sehingga 12 Mac, saya gembira untuk mengumumkan akhirnya mereka telah bersetuju menerima tawaran.

"Iaitu, dua (pihak) menerima tawaran rumah kos rendah (KR) melalui Skim Sewa Beli iaitu harga rumah pada RM42,000, dan Kerajaan Negeri tidak akan

mengenakan 1 sen pun kadar faedah atas harga ini, yang mana tempoh sewa beli adalah 20 tahun.

"Dalam tempoh 20 tahun itu, ada ansuran bulanan iaitu RM175 dan bayaran penyelenggaraan iaitu RM58.30, yang membawa kepada jumlah besar bulanan RM233.30.

"Selepas tempoh 20 tahun itu, mereka akan menjadi pemilik (rumah kos rendah itu)," jelasnya dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di sini pada 13 Mac 2019.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Exco Perdagangan Dalam Negeri & Antarabangsa, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain turut serta sidang media itu.

Difahamkan, daripada 22 pihak yang hilang kelayakan menghuni di PPR Taman Manggis, 11 pihak telahpun menyerah unit kediaman masing-masing secara sukarela kepada Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Sementara, baki 11 lagi mengosongkan rumah masing-masing selepas langkah penguasaan dilaksanakan.

Sehingga 12 Mac 2019, tinggal tiga keluarga sahaja berkampung di perkarangan depan Komtar, sebelum masing-masing bersetuju dengan pakej perumahan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri tunggu respons PBAPP terhadap cadangan pemberian awan

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri menerusi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) akan melaksanakan pemberian awan bagi menghasilkan hujan sekiranya kapasiti air di tiga empangan dekat sini terus menyusut.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow bagaimanapun berkata, pihak PBAPP masih memantau kapasiti air di ketiga-tiga empangan berkenaan meskipun cadangan untuk melakukan pemberian awan telah dibuat.

"Cadangan pemberian awan memang ada, tetapi kita (Kerajaan Negeri) menunggu respons daripada pihak PBAPP untuk membuat keputusan mengenai hal ini, dan sememangnya mereka (PBAPP) sedang melaksanakan pemantauan kini.

"Sekiranya ia (pemberian awan) diperlukan, kita akan melaksanakannya, apapun Kerajaan Negeri menyerahkan hal ini kepada PBAPP yang merupakan pakar dalam hal ini.

"Cadangan ini adalah untuk memastikan bekalan air kepada pengguna iaitu isi rumah, perniagaan dan sebagainya tidak terjejas," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi pada sidang media di sini 6 Mac lalu.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee.

Pertumbuhan 5% KDNK negeri, Ketua Menteri ucap terima kasih kepada seluruh rakyat

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada rakyat Pulau Pinang atas usaha gigih sehingga membolehkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi negeri ini meningkat sebanyak 5 peratus tahun lalu.

Menurut Kon Yeow, pertumbuhan KDNK negeri adalah baik berbanding pertumbuhan KDNK nasional, iaitu 4.7 peratus.

“Hal ini (pertumbuhan KDNK negeri) adalah disebabkan oleh sumbangan dan usaha gigih rakyat Pulau Pinang yang saling bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan berwajib.

“Di Pulau Pinang, kita sebenarnya amat bernasib baik kerana Pakatan Harapan bukanlah kerajaan baru (yang mentadbir), sudah tiga penggal.

“(Dan) sepanjang 10 tahun lalu, kami (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan) telah meletakkan asas yang kukuh dalam memastikan pentadbiran telus dan berdaya tahan berbanding sebelum 2008,” ucapnya pada Majlis Sambutan Tahun Baru Cina di Taman Lalulintas dekat sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Taman Trafik, Ong Lin Teong serta beberapa pimpinan negeri dan tempatan lain.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berkata, pentadbirannya akan terus berkhidmat dan bekerja keras dalam membangunkan Pulau Pinang yang lestari.

“Melalui visi Penang2030, kami (Kerajaan Negeri) berharap untuk melahirkan masyarakat yang lebih stabil, bandar yang lebih lestari dan pintar serta memastikan Pulau Pinang lebih berdaya huni dan hijau.

“Malah, kami juga mahu memastikan penyediaan infrastruktur yang lebih baik demi manfaat dan kemudahan rakyat, terutamanya dalam memastikan Pelan Induk Pengangkutan Awam Pulau Pinang direalisasikan,” katanya.



ANTARA pengunjung Taman Lalulintas yang sempat merakam kenangan bersama-sama Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau turut menyifatkan pertumbuhan KDNK nasional yang stabil tahun lalu adalah rentetan sokongan rakyat dalam memastikan perubahan di peringkat Kerajaan Persekutuan buat pertama kali dalam tempoh 60 tahun.

“Kerajaan (Persekutuan) baru berusaha keras dalam ‘menguruskan’ masalah kewangan negara, walaupun dalam ketidakpastian ekonomi dunia, saya gembira melihat negara kita masih menikmati pertumbuhan KDNK 4.7 peratus berbanding negara jiran yang hanya mencatatkan antara dua hingga empat peratus.

“Di bawah pentadbiran (Kerajaan Persekutuan) baru, saya percaya kita mampu mengharungi kekangan kewangan dan ekonomi kini dengan dasar-dasar baru yang akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun ini untuk ‘pemulihan’ sepenuhnya,” jelasnya yang berharap semua rakyat bersabar dan terus menyokong pentadbiran Pakatan Harapan di peringkat Persekutuan.

Terima kasih Dato' Rosli...

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

PANTAI JEREJAK – “Berkhidmat dengan dedikasi dan rajin,” ujar mantan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato’ Rosli Jaafar ketika menyampaikan amanat terakhir kepada kira-kira 400 kakitangan perbadanan berkenaan baru-baru ini.

Rosli, 60, yang menamatkan perkhidmatannya pada 20 Februari lalu telah menabur bakti kepada PDC dan Kerajaan Negeri hampir 29 tahun.

Beliau, ketika menyampaikan ucapan akhir pada majlis perpisahan khas yang diadakan di perkarangan PDC berharap supaya semua anggota PDC dapat terus berkhidmat secara profesional.

“Buatlah kerja dengan betul dan jadilah seorang pekerja yang kreatif.

“Menjadi inovatif adalah kelebihan dan kunci kejayaan, anda semua bukan sahaja perlu jadi yang terbaik dalam kerja harian, malah mesti mempunyai sikap serta bersedia untuk melakukan kerja ‘tambahan’ untuk membantu pasukan agar lebih berkembang dan berjaya.

“Jangan takut untuk belajar lebih banyak dan berpartisipasi antara satu sama lain,” ujarnya sambil disambut tepukan gemuruh semua kakitangan.



ROSLI Jaafar (barisan depan, berbaju batik) bergambar kenangan dengan sebahagian kakitangan PDC pada hari terakhirnya di sini baru-baru ini.

Menelusuri perjalanan kariernya bersama-sama PDC, Rosli memulakan tugas sebagai arkitek pada tahun 1990, dan dua tahun kemudian dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Bahagian Arkitek PDC (1992).

Antara jawatan lain yang pernah disandang beliau ialah Timbalan Pengurus Besar Bahagian Pembangunan Perancangan (2000) sebelum menyandang jawatan Pengurus Besar PDC pada Oktober 2006 sehingga 20 Februari 2019.

Sebelum itu, Rosli hadir menyerahkan Nota Tugas kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga Pengerusi PDC.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih buat beliau yang telah banyak berjasa dan berkhidmat sepanjang berada di PDC. Selamat maju jaya!

Lapangan Terbang Kulim kategori penumpang atau kargo, Ketua Menteri tuntut penjelasan Kedah

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap Kerajaan Negeri Kedah menjelaskan mengenai cadangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim sama ada di bawah kategori penumpang ataupun kargo, memandangkan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali telah mengumumkan kelulusan projek Persekutuan itu yang bernilai kira-kira RM1.6 bilion.

Katanya, Kerajaan Negeri kekal berpendirian bahawa Kerajaan Persekutuan perlu membuat kajian kebolehlaksanaan terlebih dahulu, sebelum pelaksanaan projek Persekutuan itu.

Tambah beliau, komuniti perniagaan juga mempersoal kewajaran projek Persekutuan itu memandangkan jarak dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) adalah kira-kira 50 kilometer (km) sahaja.

“Pertamanya, kita ingin (hasil) kajian kebolehlaksanaan dibuat terlebih dahulu untuk kita melihat impak kepada negeri Pulau Pinang.

“Kita harap Kerajaan Pusat yang buat (kajian kebolehlaksanaan).

“Saya kata Datuk Seri Mukhriz yang sebut (Lapangan Terbang Kargo Kulim), saya tidak kata Datuk Seri Mohamed Azmin yang sebut, jadi saya minta Kedah jelaskan,” respons Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi dalam sidang media di sini 20 Mac 2019.

Turut serta, Exco Pembangunan Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Yeoh Soon Hin dan Ketua Pegawai Eksekutif Biro Konvensyen dan Pameran Pulau Pinang (PCEB), G. Ashwin.

Sebelum itu, Kon Yeow merasmikan majlis pelancaran Laporan Tahunan 2018 Program Perniagaan & Mesyuarat Pulau Pinang.

Menjawab soalan pemberita lagi, Kon Yeow memberitahu dokumen rasmi Koridor Utara Malaysia menjelaskan terminal lapangan terbang baharu di Kulim adalah inisiatif swasta, bukan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan berdasarkan kenyataan media yang dikeluarkan.

Kon Yeow menyatakan bahawa beliau hadir dalam mesyuarat Wilayah Ekonomi Koridor Utara bersama-sama Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Putrajaya pada 18 Februari lalu.

“Beliau (Mohamed Azmin) tidak sebut (lapangan terbang baharu di Kulim dibiayai inisiatif swasta) tapi mesyuarat ada sebut, beliau tidak hadir mesyuarat,” jelasnya yang juga Ahli Parlimen Tanjung merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow turut menyanggah dakwaan sesetengah pihak kononnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus dianaktirikan, apabila Menteri mengumumkan pelaksanaan projek lapangan terbang baharu di Kulim, Kedah.

Menurut beliau, sekiranya Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) yang bernilai RM46 bilion dimasukkan sebagai projek-projek baru, dalam dokumen rasmi Koridor Utara Malaysia, maka negeri ini seakan menerima limpahan projek dengan anggaran lebih RM50 bilion.

“Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang itu adalah inisiatif Kerajaan Negeri, saya minta pengurusan kemasikinikan dalam laporan (Koridor Utara Malaysia).

“Kalau kita masukkan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang dalam senarai projek-projek baru, kita tahu LRT, PIL (Penang Island Link) dan projek penambakan laut, (anggaran projek kira-kira) RM46 bilion.

“Kalau masuk semua ini, Pulau Pinang sudah dapat RM50 bilion...jangan ingat Pulau Pinang dipinggirkan atau dianaktirikan,” ujar Kon Yeow sambil berharap Pulau Pinang terus menjadi ‘negeri pemangkin’ kepada pertumbuhan ekonomi bagi Wilayah Utara Semenanjung Malaysia, seperti sedekad lalu.

9km lorong sisi dan ruang awam seluruh George Town bakal ditransformasi

Gambar : ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri bersama-sama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berhasrat untuk mentransformasikan 9 kilometer (km) laluan lorong sisi dan (lorong) belakang bangunan sekitar bandar raya George Town.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, usaha itu adalah sebahagian daripada Pelan Induk Projek Penarafan Lorong Belakang ke arah menghakis stigma negatif mengenai ia.

"Objektif utama adalah untuk menghidupkan semula suasana selamat dan 'segar' lorong-lorong belakang dan sisi di George Town.

"Daripada laluan yang terbiar dan 'mati',

ditransformasikan menjadi ruang awam yang menarik atau taman poket," ucapnya pada Majlis Menandatangani Perjanjian Kerja-kerja Menyelenggara Lorong Sisi Bank of China yang terletak di Lebuh Pantai dekat sini 19 Februari lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow turut menzahirkan penghargaan kepada *Bank of China* kerana membayai sepenuhnya projek pengindahan lorong sisi di sini.

"Kos keseluruhan adalah RM650,000, dan ia ditanggung sepenuhnya oleh *Bank of China* sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihak berkenaan.

"(Dan) hari ini, MBPP bersama-sama *Bank of China* (M) Berhad akan menandatangani kontrak penyelenggaraan 5+5 tahun bermula hari ini (19 Februari 2019)," ujarnya.

Turut berucap, Datuk Bandar bagi MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; Konsul Jeneral People's Republic of China di Pulau Pinang, Lu Shiwei dan Ketua Pegawai Eksekutif *Bank of China* (M) Berhad, Zhang Min.

Hadir sama, barisan Ahli-Ahli Majlis MBPP.

Dalam pada itu, ketika ditemui, Tun Seang menyatakan bahawa berdasarkan kontrak yang ditandatangani, *Bank of China* (M)



ILUSTRASI artis berhubung lorong sisi dan belakang yang bakal diselenggara dan dinaik taraf.



KETUA Menteri menandatangani plak khas pada Majlis Menandatangani Perjanjian Kerja-kerja Menyelenggara Lorong Sisi Bank of China di sini baru-baru ini.

Berhad adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi kerja-kerja penyelenggaraan lorong sisi tersebut.

"Bagi pihak MBPP, pastinya kami amat menghargai inisiatif *Bank of China* untuk sama-sama mentransformasikan lorong sisi di sini.

"Malah, MBPP juga telah mengenal pasti beberapa lorong sisi dan belakang di George Town untuk penarafan agar wujud ketersambungan serta elemen warisan dalam bandar raya ini.

"(Dan) MBPP menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat swasta untuk sama-sama berganding bahu menjayakan inisiatif transformasi lorong belakang dan sisi ini," serunya.

Selain lorong sisi antara bangunan *Bank of China* dan *Bank HSBC* yang menghubungkan Lebuh Pantai ke Weld Quay, beberapa lorong sisi serta lorong belakang yang turut ditransformasikan menjadi taman poket atau ruang awam adalah:

- Lorong belakang Lebuh Armenian dan Lebuh Aceh.
- Lorong belakang yang menghubungkan Jalan Magazine dan Jalan Gurdwara.
- Lorong belakang yang menghubungkan Lebuh Keng Kwee dan Jalan Dr. Lim Chwee Leong, dan
- Lorong belakang yang menghubungkan Jalan Dr. Lim Chwee Leong dan Jalan Cheong Fatt Tze (masih dalam pemajuan).

Program Masjid Sejahtera jana kecemerlangan umat Islam, aspek penjagaan kesihatan

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

GEORGE TOWN – Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman menyifatkan bahawa Program Masjid Sejahtera yang dilancarkan baru-baru ini mampu meningkatkan peranan masjid dengan lebih aktif bagi menjana kecemerlangan umat Islam termasuk aspek penjagaan kesihatan.

Jelasnya, dalam menjayakan fokus utama program itu, Kerajaan Negeri menggunakan pendekatan *Healthy Setting* melalui prinsip '*Ottawa Charter*' iaitu penerapan polisi kesihatan, sokongan persekitaran, penyertaan masyarakat, perkembangan kemahiran individu termasuk kesihatan serta orientasi perkhidmatan kesihatan.

"Terdapat enam skop utama yang dicadangkan bagi Program Masjid Sejahtera, iaitu saringan dan Intervensi Penyakit Tidak Berjangkit (NCD), mewujudkan fasiliti bebas rokok, pemakanan sihat cegah obesiti, aktiviti fizikal, kesihatan persekitaran iaitu mewujudkan masjid bersih, ceria, selamat, bebas denggi serta kesihatan pergigian.

"NCD perlu diberi perhatian berikutnya data kaji selidik dari *National Health and Morbidity Survey* (NHMS) menunjukkan faktor risiko NCD adalah meningkat saban tahun di Malaysia.

"Selaras dengan seruan Kerajaan Negeri untuk membentuk Pulau Pinang sebagai sebuah negeri Bersih,



IR. AHMAD ZAKIYUDDIN ABDUL RAHMAN (kiri sekali) sambil diiringi DR. AFIF BAHARDIN (dua dari kiri) dan ABDUL MALIK ABUL KASSIM (dua dari kanan) menyempurnakan gimik Majlis Pelancaran Program Masjid Sejahtera Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hijau, Sihat dan Selamat, program Masjid Sejahtera ini dilihat dapat melahirkan masyarakat yang sihat, menjaga persekitaran bebas denggi dan seterusnya meningkatkan produktiviti serta kualiti kehidupan," ujar beliau yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri &

Perhubungan Masyarakat ketika berucap pada Majlis Pelancaran Program Masjid Sejahtera Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini 11 Mac lalu.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Mufti Kerajaan Negeri, Sohibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor; Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Zulkifli Long dan Timbalan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang, Dr. Rokiah Mohd.

Afif yang turut berucap pada majlis berkenaan bercadang untuk meluaskan konsep Mutiara Health Kiosk (MHK) yang dilancarkan baru-baru ini.

"Melalui MHK, kaunter saringan kesihatan dibuka di bangunan MARA dekat Weld Quay pada hari Khamis dan juga Komtar (Selasa) untuk kemudahan orang ramai.

"Konsep ini mungkin kita boleh guna pakai juga di masjid untuk kemudahan masyarakat yang secara tidak langsung dapat menarik mereka ke lokasi berkaitan.

"Saringan awal adalah sangat penting kerana terdapat individu yang sudah disahkan menghidap penyakit-penyakit NCD seperti darah tinggi, kencing manis dan komplikasi lain seawal usia 20-an," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Industri halal Pulau Pinang terus berkembang pesat

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : ADLEENA RAHAYU
AHMAD RADZI

PANTAI JEREJAK – Kerajaan Negeri menjangkakan pertumbuhan sektor halal di negeri ini terus dipacu dan berdaya saing ekoran perkembangan industri berkaitan kini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, 10 tahun lalu, jumlah pertubuhan yang menerima pengiktirafan halal di Pulau Pinang hanya 55 buah.

“Tetapi, sehingga November 2018, jumlah ini menunjukkan unjuran memberangsangkan apabila ia meningkat kepada 1,112 pertubuhan.

“Industri halal ini terus berkembang pesat selepas lebih daripada RM480 juta dilaburkan dalam Fasa Satu Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang,” ujarnya ketika merasmikan Pameran dan Persidangan Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHEC) 2019 di sini baru-baru ini.



PARA pelajar Kolej Komuniti Malaysia@KKCP yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Halal Chef merakam gambar kenangan pada penganjuran PIHEC 2019 di sini baru-baru ini.

Bertemakan ‘Digitalisation & The Halal Industry’, penganjuran PIHEC yang berlangsung dari 1 hingga 3 Mac lalu berjaya menarik lebih 50,000 pengunjung berbanding tahun lalu (45,000).

Hadir sama, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato’ Abdul Halim

Hussain; Dato’ Ar. Yew Tung Seang (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP); Sim Tze Tzin (Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani merangkap Ahli Parlimen Bayan Baru); Datuk Dr. Abdul Aziz S. A. Kadir (Pengerusi Confexhub Group) dan Paul Yeo (Ketua Pegawai Eksekutif Confechub).

Menurut Abdul Halim yang juga Pengurus Penganjuran PIHEC, penganjuran yang memasuki tahun ke-10 berkaitan merupakan antara inisiatif Kerajaan Negeri untuk meningkatkan lagi pemahaman dalam kalangan pemain industri halal di Pulau Pinang khususnya berhubung ekonomi digital, sekaligus merangsang penglibatan mereka dalam teknologi tersebut termasuk teknologi blockchain.

“Blockchain adalah senarai data yang tidak boleh dimanipulasi, dan ia menawarkan cara yang selamat untuk berdagang, mampu mengurangkan kos dan ketidakpercayaan, meningkatkan keselamatan makanan terutamanya dan boleh memintas aktiviti orang tengah,” jelasnya.

Dalam pada itu, Tze Tzin ketika diminta mengulas mengenai pendekatan teknologi blockchain yang ingin dipeleopori Kerajaan Negeri menyatakan bahawa teknologi tersebut umumnya berguna kerana lebih mudah untuk mengesan sumber ia daripada awal sehingga peringkat

akhir sebelum sesuatu barang, makanan atau produk itu sampai kepada pengguna.

“Teknologi ini tentunya amat berguna terutamanya jika ada wabak penyakit, kerana ia mampu meningkatkan pengesanan dan operasi industri makanan yang mana punca itu mampu dijejak hanya dengan mengimbas kod makanan,” katanya.

Penganjuran berkaitan menarik lebih 350 pempamer yang menawarkan pelbagai produk seperti kecantikan, kesihatan, makanan, pelancongan, farmaseutikal dan pelbagai lagi.

Serentak itu, turut diadakan Pertandingan Halal Chef melalui beberapa kategori yang dipertandingkan seperti masakan Melayu, Moden, Cabaran Berpasukan, dan Chef Halal.

Seramai lebih 200 chef tempatan dan antarabangsa termasuk pelajar Kolej Komuniti Malaysia@KKCP berentap pada acara tahunan sempena penganjuran tersebut.

Pulau Pinang sedia sistem sokongan, latihan kepada bakal usahawan Bumiputera

GEORGE TOWN – Jalinan kerjasama strategik antara agensi Kerajaan Negeri serta para usahawan dalam program-program keusahawanan dapat membantu memperkasakan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera di negeri ini.

Berucap mewakili Ketua Menteri pada Majlis Penutupan Ekspo Mini Keusahawanan Kecil Bumiputera peringkat Parlimen Tanjong, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng berkata, penganjuran program-program keusahawanan anjuran pihak-pihak berkaitan bukan sahaja akan memberi peluang kepada usahawan berkongsi ilmu perniagaan, malah juga sebagai motivasi.

“Pulau Pinang mempunyai sumber yang terhad, jadi para usahawan perlu menjadi lebih kreatif dalam menghasilkan sesuatu produk.

“Melalui penganjuran program-program keusahawanan, para usahawan dapat diberikan pendedahan yang betul dengan garis panduan pelaksanaan tepat bagi mendapatkan hasil lumayan,” ujarnya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, ADUN Teluk Bahang, Zolkifly Md. Lazim; Pengerusi Persatuan Kebajikan Bersatu Tanjong, Mohamad Kamal Fairoz Mohamad Ibrahim serta wakil-wakil daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Amanah Rakyat (MARA) Pulau Pinang, Amanah Ikhtiar Malaysia, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional.

Menurut Lai Heng, Kerajaan Negeri melalui pelbagai agensinya turut menyediakan sistem sokongan dan latihan kepada bakal usahawan Bumiputera.

“Malah, adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera dalam kalangan generasi muda terutamanya di kawasan bandar.

“Oleh itu, melalui ilmu keusahawanan yang dikawal selia oleh agensi berwajib bukan sahaja akan membangunkan perniagaan mereka, tetapi juga menjadikan

perniagaan pihak-pihak berkaitan berdaya tahan,” jelasnya sambil menzhirkan penghargaan kepada semua penggerak PKS di negeri ini.

Dalam pada itu, Zolkifly dalam ucapannya yakin dengan usaha yang dimainkan agensi berkaitan mampu membantu usahawan kecil Bumiputera memulakan perniagaan secara komersial.

“Usahawan PKS di negeri ini perlu mengambil peluang yang ada untuk memajukan perniagaan, dan bukan hanya mengharapkan pasaran tempatan semata-mata.

“Saya yakin, dengan bantuan agensi berwajib, para usahawan PKS Bumiputera mampu mengorak langkah memasarkan produk mereka ke pasaran nasional dan antarabangsa,” katanya.

Ekspo Mini Keusahawanan Kecil Bumiputera menghimpunkan kira-kira 300 peserta yang terlibat secara langsung dalam PKS di negeri ini.

Turut diadakan adalah ceramah keusahawanan yang disampaikan wakil daripada MARA Pulau Pinang, Amanah Ikhtiar Malaysia dan TEKUN Nasional.

Difahamkan, ekspo mini tersebut merupakan yang julung kali diadakan tahun ini dengan kerjasama 15 agensi berwajib dan Persatuan Kebajikan Bersatu Tanjong.



TEH Lai Heng (tiga dari kanan) ditemani tetamu kehormat lain melawat ke ruang pameran penganjuran Ekspo Mini Keusahawanan Kecil Bumiputera Parlimen Tanjong di sini baru-baru ini.

Exco sambut baik penambahbaikan dasar pembangunan semula skim strata, atasi kekangan tanah terhad

TANJUNG BUNGA – Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menyambut baik usaha penambahbaikan kertas dasar pembangunan semula skim strata yang kini sedang diperhalusi Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) sebelum dibentangkan pada Majlis Tanah Negara (MTN) April ini.

Katanya, penambahbaikan kepada dasar pembangunan semula sedia ada adalah amat penting terutamanya kepada negeri kepulauan seperti Pulau Pinang akibat kekangan tanah yang terhad.

“Di Pulau Pinang, terdapat dua faktor kenapa pembangunan semula dan merejuvenasikan semula skim-skim lama ini penting, kerana adalah tidak berbaloi untuk menyelenggara ia secara berterusan, sebaliknya lebih baik ianya dirobohkan dan dibina baharu di kawasan sama dengan kemudahan lebih lengkap.

“Ekoran keadaan tanah yang terhad, suatu masa akan berlaku masalah tiada lagi tanah atau kawasan untuk dibangunkan, jadi kita (Kerajaan Negeri) harus merancang ke hadapan bagi menampung populasi yang semakin bertambah, iaitu di manakah kita ingin ‘rumahkan’ mereka ini.

“Di sini, terdapat dua kaedah iaitu jangka pendek dan panjang. Lazimnya, penambakan tanah dilakukan seperti di Singapura dan Hong Kong, tetapi penambakan tanah ini perlu melalui proses yang terlalu lama dan memakan masa.

“Justeru, di Pulau Pinang, langkah jangka pendek yang dilakukan ialah melakukan pembangunan semula, jika dahulu kepadatan skim ini adalah rendah, tetapi jika pembangunan semula dilakukan, densiti ini boleh ditingkatkan.

“Menerusi pendekatan ini, lebih banyak keluarga baharu dapat ditempatkan selain keluarga sedia ada,” ujar beliau

yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Jagdeep berkata demikian ketika hadir menyempurnakan Majlis Perasmian Bengkel Kajian Kaedah Pembangunan Semula Skim Strata Siri Ke-4 di sini 25 Februari lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah JKPTG Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundungan, Datuk Che Roslan Che Daud.

Susulan itu, Jagdeep melahirkan harapan agar pembangunan semula lima blok di Lorong Mahsuri 10, Bandar Bayan Baru yang dibangunkan sekitar tahun 1978 dapat dimulakan tahun ini dan menjadi projek perintis pertama di Pulau Pinang.

“Skim ini (Lorong Mahsuri 10) mempunyai kapadatan penduduk yang kurang, jadi mudah untuk kita uruskan dan 99.9 peratus penduduk telah bersetuju untuk skim ini dibangunkan semula.

“Selain itu, terdapat empat lagi skim strata telah dikenal pasti untuk dibangunkan semula iaitu masing-masing dua di kawasan pulau dan Seberang Jaya.

“Skim-skim berkenaan ialah Taman Free School dan Padang Tembak di bahagian pulau, manakala di Seberang Jaya (Flat Taman Mak Mandin dan Flat Taman Siakap),” jelasnya.

Dalam pada itu, Che Roslan memberitahu bahawa di peringkat Pusat, pihaknya kini dalam proses untuk melengkapkan kertas dasar sebelum dibentangkan ke MTN.

“Diharapkan menerusi bengkel ini, segala input terbaik yang diperoleh boleh dimasukkan ke dalam kertas dasar tersebut dan dibentangkan kepada Jemaah Menteri terlebih dahulu sebelum dibawa ke MTN, dan sekiranya MTN bersetuju barulah ia boleh dibentangkan di Parlimen untuk dijadikan sebagai Rang Undang-undang,” kata beliau.

Pelaksanaan Program Penang Sihat, kad 'I ❤️ Penang' dikaji semula - Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
 Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

DATUK KERAMAT - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang akan mengkaji semula hasrat melaksanakan Program Penang Sihat serta penggunaan kad 'I ❤️ Penang' iaitu program bantuan kredit kewangan kepada golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) bagi mendapatkan rawatan serta ubat di klinik swasta.

Langkah itu, menurut Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin adalah mengambil kira hasrat Kerajaan Persekutuan melaksanakan Skim Peduli Kesihatan Untuk Golongan B40 (PeKa B40) yang layak dimohon oleh mereka berusia 50 tahun dan ke atas sahaja.

"Cadangan asal Kerajaan Negeri menyediakan bantuan kredit untuk mendapatkan rawatan dan ubat di klinik swasta khusus untuk B40, tanpa ada had umur.

"Apabila PeKa B40 yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat ini layak dimohon oleh mereka yang berumur 50 tahun dan ke atas, ertinya masih ada golongan B40 di bawah 50 tahun.

"Kita akan kaji semula kerana kita dimaklumkan golongan B40 berumur 50 tahun dan ke atas turut dilindungi di bawah PeKa B40 Kerajaan Persekutuan.

"Maka, kita akan bincang semula dengan Ketua Menteri dan Exco-exco mengenai program bantuan kepada golongan B40 juga dengan ambil kira pelaksanaan PeKa B40 ini," jelasnya selepas berucap dalam Sesi Taklimat Kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia Berkennaan PeKa B40 di Auditorium Hospital Pulau Pinang dekat sini pada 22 Februari 2019.

Dalam majlis itu, wakil Menteri menjelaskan bahawa Kerajaan Persekutuan memperuntukkan kira-kira RM100 juta setahun, dengan anggaran penerima seramai 800,000 orang.

Menurut beliau, para penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangannya yang berusia 50 tahun dan ke atas adalah layak memohon PeKa B40.



DR. Afif Bahardin.

Syor Menteri kaji sistem sewa PPR, laksana Rent-to-Own Scheme

GEORGE TOWN - Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo mencadangkan kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin supaya mengkaji semula dasar sewaan bagi unit kediaman kategori Projek Perumahan Rakyat (PPR) kepada Skim Sewa Milik (*Rent-to-Own Scheme*).

Beliau memberitahu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dalam Mesyuarat Majlis Perumahan Negara turut menyambut baik cadangannya agar Kerajaan Pusat melaksanakan skim berkaitan bagi rumah mampu milik kategori kos rendah (KR) dan sederhana rendah (KSR) sahaja.

"Saya telah mencadangkan kepada

Menteri Zuraida untuk mengkaji semula dasar projek PPR semasa pertemuan dengannya baru-baru ini.

"Kita (Pulau Pinang) mempunyai pemohon yang tidak mampu untuk membeli unit kos rendah (KR) atau sederhana rendah (KSR).

"Kita mahu mereka (golongan miskin tegar) mempunyai peluang untuk memiliki rumah sendiri," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada sidang media di sini 5 Mac 2019.

Turut serta, ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; ADUN Komtar, Teh Lai Heng yang juga Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri; Penolong Setiausaha Kanan Kerajaan Negeri, Ainul

Fadhilah Samsudi dan beberapa pegawai lain.

Hadir sama, sekumpulan pemohon PPR layak, dalam kalangan mereka terdapat yang dalam senarai menunggu lebih 10 tahun untuk diami rumah sewa berkennaan.

Menurut Jagdeep, Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang untuk memasukkan *Rent-to-Own Scheme* kepada lebih banyak projek perumahan kos rendah.

Setakat ini, tambah beliau, skim berkaitan telah dilaksanakan dalam dua projek perumahan (KR) di Balik Pulau dan satu lagi di Kampung Permatang Tok Subuh, Bukit Minyak, yang terdiri daripada kira-kira 800 unit kediaman.

"Separuh daripada 1,153 unit kos

rendah (KR) projek Balik Pulau adalah untuk *Rent-To-Own (Scheme)*," katanya.

Difahamkan, 999 unit kediaman PPR yang ada di Pulau Pinang merupakan jumlah paling kecil berbanding negeri-negeri lain.

Walhal, tambah Jagdeep, pemajuhan PPR juga adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Pusat, bukan Kerajaan Negeri.

Dalam pada itu, Jagdeep merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Pusat hari ini kerana dalam proses melaksanakan projek PPR di atas sebidang tanah berkeluasan 4 ekar dekat Jelutong, yang akan menyediakan ribuan unit kediaman untuk disewa dengan harga RM128 sebulan, kelak.

SKIM PINJAMAN HARAPAN NEGERI PULAU PINANG

PINJAMAN PERNIAGAAN DARI RM 1000.00 HINGGA RM 25 000.00

**tertakluk kepada terma dan syarat kelayakan yang ditetapkan



SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia berumur 18 hingga 60 tahun
- Pengundi di Pulau Pinang
- Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
- Mempunyai tempat perniagaan
- Menjalankan perniagaan melebihi 6 bulan
- Mempunyai Lesen Perniagaan/Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)
- Nama tidak disenarai hitam (CTOS)

HUBUNGKAN SEGERA:
 BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN, PDC
 Tel. 04-6340111 samb. 141/125/182/354/159/366

Mammo Penang, kira-kira 5,000 wanita bakal peroleh manfaat



DR. Afif Bahardin (barisan pertama, tengah dan berbaju batik) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan jemputan, ahli-ahli jawatankuasa dan para peserta bersempena penganjuran Bengkel 'Training For Trainer' Mammo Penang di sini baru-baru ini.

Teks dan Gambar : SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN

BERTAM – Golongan wanita berusia 35 tahun dan ke atas di Pulau Pinang perlu memanfaatkan peluang menjalani pemeriksaan mamogram percuma yang disediakan Kerajaan Negeri bagi mengetahui tahap kesihatan diri.

Seruan tersebut dilakukan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin ketika berucap merasmikan Bengkel 'Training For Trainer' Mammo Penang di sini 11 Mac lalu.

Jelasnya, Pulau Pinang mencatatkan kadar pesakit kanser payu daru paling tinggi di Malaysia, iaitu seramai 50 daripada 100,000 wanita menghidapinya berdasarkan statistik dikeluarkan Pendaftaran Kanser Kebangsaan Malaysia (MNCR) dari tahun 2007 sehingga 2011.

"Berkat kerjasama yang diberikan, kita (Kerajaan Negeri) bersama dengan LPPKN (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara) berjaya menjalankan pemeriksaan kesihatan terhadap 11,834 wanita di Pulau Pinang pada penggal lepas, iaitu dari tahun 2015 sehingga 2018 menerusi program Mammo Penang."

"Sebagai tambahan, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan RM2.658 juta tahun ini, dan menyasarkan seramai 5,000 wanita bakal memperoleh manfaat program

ini setiap tahun.

"Program-program percuma ini diberikan terutamanya kepada mereka yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan Skim Peduli Kesihatan iaitu PeKa B40 yang kini sedang diperkenalkan oleh pusat-pusat khidmat setempat," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Pengarah LPPKN Negeri Pulau Pinang, Dr. Azura Abdullah dan Dr. Haniza Abu Hasan (Pakar Radiologi, Pusat Diagnostik Anda).

Dalam pada itu, Haniza dalam ucapannya menyatakan peri penting seseorang wanita untuk melakukan pemeriksaan payu daru dan mengesan awal simptom-simptom kanser berkenaan.

"Para wanita yang berkelayakan perlu mendaftar di mana-mana Klinik Nur Sejahtera LPPKN di Pulau Pinang yang terletak di Seberang Jaya, Bertam dan Jalan Burma.

"Pendaftaran juga boleh dilaksanakan di mana-mana program *out-reach* komuniti anjuran pemimpin-pemimpin tempatan dan melalui Klinik Bergerak LPPKN.

"Lokasi pendaftaran di Seberang Perai adalah Pusat Diagnosis Anda dan Hospital Bagan, manakala di bahagian pulau (Hospital Lam Wah Ee serta Hospital Gleneagles)," jelasnya.

Pesona bunga Tecoma mampu ubah landskap pelancongan negeri

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat menanam kira-kira 333 pokok *Tecoma* dalam usaha menarik kemasukan pelancong tatkala musim berbunga.

Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin berkata, *Tecoma* atau nama saintifiknya, *Tabebuia Rosea* akan berbunga pada musim kering dan panas iaitu sekitar Februari dan Mac.

"Pohon *Tecoma* ini bukan sahaja menambah pesona dan mengindahkan kawasan terbabit, malah juga mampu menjadi satu tarikan pelancongan sama seperti musim bunga sakura di Jepun."

"Di negara 'Matahari Terbit' itu, musim bunga sakura merupakan tarikan utama dan sangat dinantikan khasnya bagi penggemar bunga serta jurugambar."

"(Dan) saya percaya, sekiranya kita (Pulau Pinang) mengambil inisiatif sama, ia mampu mengubah landskap pelancongan negeri ini," katanya.

ujarnya pada sidang media sejurus program penanaman pokok *Tecoma* di sekitar Padang Kota Lama dekat sini 1 Mac lalu.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Khidmat Kemasyarakatan bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Rashidah Jalaludin dan Konsulat Jeneral Jepun di Pulau Pinang, Shinichiro Kanoya.

Menurut Soon Hin, inisiatif penanaman pokok *Tecoma* tersebut adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri dan MBPP untuk menanam lebih 33,000 pokok pelbagai spesies dalam tempoh masa lima tahun.

Tambahnya, inisiatif penanaman pokok tersebut juga merupakan salah satu usaha membantu MBPP mencapai sasaran berkenaan.

"Saya yakin usaha penanaman pokok *Tecoma* ini (orang tempatan menggelarnya 'bunga kertas tisu mekar') bakal membawa hasil dan bakal dinanti-nantikan umum setiap kali musim berbunga seakan-akan bersiar-siar di Jepun," katanya.



YEOH Soon Hin (kiri sekali) bersama-sama Shinichiro Kanoya memyempurnakan acara menanam pokok *Tecoma* di sini baru-baru ini.

Pertama dalam negara, bersama jayakan Dasar Keterangkuman Gender

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow menyeru semua pimpinan Kerajaan Negeri sama ada di peringkat pentadbiran negeri mahupun tempatan, agar dapat melaksanakan Dasar Keterangkuman Gender.

Menurut Kon Yeow, semua pimpinan Kerajaan Negeri perlu memainkan peranan masing-masing bagi memastikan pelaksanaan dasar tersebut berjaya.

"Adalah menjadi tanggungjawab Exco bagi memastikan semua ketua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri melaksanakan dasar ini melalui pembangunan kapasiti, menyediakan pemerolehan Data Mengikut Jantina (SDD) dan Bajet Responsif serta Partisipatori Gender (GRPB) untuk dilaporkan dalam mesyuarat mingguan."

"Selain itu, setiap jabatan dan agensi terlibat perlu memastikan perspektif gender dipertimbangkan dalam setiap perancangan projek, program dan dasar-dasar lain yang dapat menggalakkan penyertaan semua pihak."

"Bagi peringkat Kerajaan Tempatan di Pulau Pinang, saya ingin menzahirkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kerana berjaya menggunakan pakai GRPB serta senarai semak gender dalam melaksanakan program mereka."

"Teruskan usaha baik ini dan amat berharap agar pihak lain dapat mengikuti contoh ini dan meluaskan amalannya ke seluruh negeri bagi memahami keperluan rakyat seluruhnya," ucapnya pada Majlis Perasmian Dasar Keterangkuman Gender di sini 7 Mac lalu.

Hadir sama, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Machang Bubuk, Lee Khai Loon; ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong; ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Datuk Azhar Arshad; Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud dan Setiausaha Bandaraya MBPP, Ir. Addnan Mohd. Razali.

Turut serta, beberapa Ahli Majlis MBPP, MPSP; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng; Pengarah Projek PWDC, Datin Rohana Abdul Ghani serta barisan penceramah di peringkat pentadbiran negeri dan tempatan.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut berharap agar Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK), Kawasan Rukun Tetangga (KRT), persatuan penduduk dan organisasi tempatan dapat menyokong pelaksanaan Dasar Keterangkuman Gender tersebut di peringkat tempatan.

"Saya mahu mereka membudayakan pemikiran di luar kotak dan 'lari' daripada cara pemikiran lama yang membahagi-bahagikan rakyat mengikut segmen tertentu."

"Saya percaya, Pulau Pinang mampu menjadi teladan dan inspirasi dalam usaha mengurangkan jurang gender ini dengan mengambil pendekatan menjayakan Dasar Keterangkuman Gender untuk menyampaikan perkhidmatan," katanya yang juga mahu keperluan setiap kelompok berlainan dengan keperluan berbeza dipenuhi.

Dalam pada itu, Chong Eng yang turut berucap pada majlis tersebut memberitahu bahawa sebagai sebuah kerajaan yang berpandukan rakyat, dasar berkenaan bakal membawa satu anjakan paradigma dalam urus tadbir baik Kerajaan Negeri.

"Ia (Dasar Keterangkuman Gender) akan memberi impak yang positif serta mampu mewujudkan persekitaran yang mesra gender."

"(Dan) usaha ini dilakukan bukan sahaja untuk dikecapi generasi pada masa kini tetapi generasi akan datang," katanya.

Jelas beliau, melalui pelaksanaan dasar tersebut, pihaknya mensasarkan nisbah 40:40:20 sebagai penanda aras bagi penyertaan wanita dan lelaki di peringkat pembuat dasar.

"40 peratus adalah wanita, 40 peratus lagi lelaki dan 20 peratus adalah lelaki dan wanita, agar tidak ada satu gender pun yang mendominasikan proses membuat keputusan (dasar)."

"Dasar Keterangkuman Gender ini juga adalah selaras dengan visi *Penang2030* yang memberi peluang kepada setiap individu untuk memaksimumkan potensi diri sekaligus mewujudkan masyarakat yang saling menghormati tanpa mengira gender," ulas Chong Eng.

Berdasarkan kajian *McKinsey* (2018), kepelbagaian gender mempunyai korelasi positif dan dilihat mampu menjana idea yang kreatif dan inovatif dalam sesuatu kepelbagaian kelompok. Hasilnya, jika diterapkan dalam penyampaian perkhidmatan di peringkat pentadbiran, pelanggan akan lebih berpuas hati dan yakin.

Pulau Pinang mencatat sejarah tersendiri apabila menjadi satunya negeri di Malaysia yang meluluskan Dasar Keterangkuman Gender berkenaan.

Kebajikan, keselamatan rakyat jadi keutamaan pelaksanaan projek

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

PANTAI JEREJAK – Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan Penilaian Impak Sosial (SIA) sepatutnya diterajui serta dikendalikan badan bebas yang boleh dipercayai bagi memastikan ianya lebih telus, ujar Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo.

“Selain EIA, semua syarikat pemaju kini diwajibkan memiliki laporan SIA untuk mana-mana projek pembangunan... permasalahan dan kekurangannya adalah apabila laporan-laporan ini lazimnya memang disediakan pihak pemaju sendiri.

“Secara logiknya, tiada pemaju yang akan sediakan laporan yang boleh menyebabkan projek pembangunannya diberhentikan, semestinya mereka (pemaju) akan memenuhi keperluan EIA dan SIA ini.

“Penyelesaian terbaik, laporan-laporan ini harus dikendalikan oleh badan bebas dan bukannya konsultan dilantik pihak pemaju yang sememangnya mempunyai konflik kepentingan,” katanya di sini pada 19 Februari lalu.

Bercakap pada Seminar Penang2030: Manual of Social Impact Assessment (SIA) & Portal SIA MAPPING, Jagdeep mencadangkan agar syarikat pemaju membuat bayaran kepada pihak Kerajaan Negeri, dan kerajaan akan melantik konsultan atau badan bebas untuk menyediakan laporan EIA dan SIA bagi projek pembangunan yang dilaksanakan syarikat terbabit.

“Jika syarikat pemaju yang melantik konsultannya sendiri untuk menyediakan apa jua laporan, mereka perlu membayar dan membayar khidmat yang diberikan, ini bukanlah bersifat bebas atau telus.

“Apabila EIA atau SIA ini tidak telus, laporan yang diberikan ada menyembunyikan sesuatu dan setelah projek berjalan tiba-tiba berlaku insiden tidak diingini, maka Kerajaan Negeri juga yang perlu berhadapan dengannya,” ujarnya lanjut.

Hadir menyempurnakan majlis perasmian, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato’ Abdul Halim Hussain; Yeoh Soon Hin (Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian); Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri



KETUA MENTERI sambil ditemani barisan kepimpinan Kerajaan Negeri melayari portal SIA MAPPING yang dilancarkan bersempena Seminar Penang2030: Manual of Social Impact Assessment (SIA) & Portal SIA MAPPING di sini baru-baru ini.

(ADUN); Datuk TPr. Rokibah Abdul Latiff (Pengarah PLANMalaysia) dan TPr. Idris Abdul Rahim (Pengarah PLANMalaysia@Pulau Pinang) hadir sama.

Serentak itu, Kon Yeow turut melancarkan SIA MAPPING, sekaligus menjadikan Pulau Pinang negeri pertama dalam negara membangun dan menyediakan ia di atas inisiatif PLANMalaysia@Pulau Pinang.

Portal SIA MAPPING berkaitan

diwujudkan bagi membantu proses membuat keputusan berkesan di dalam mengurus isu-isu sosial yang berhasil daripada sesuatu projek pembangunan berdasarkan laporan SIA disediakan.

Dalam pada itu, Kon Yeow ketika menyampaikan ucaptamanya memberitahu bahawa Kerajaan Negeri sentiasa memberikan komitmen tertinggi terhadap segala pematuhan undang-undang dan syarat-syarat ditetapkan oleh agensi-

agensi berwajib dalam melaksanakan sebarang projek pembangunan terutamanya yang berimpak tinggi.

“Kita (Kerajaan Negeri) memberi jaminan bahawa projek-projek pembangunan di bawah Kerajaan Negeri tidak akan mulakan kerja-kerja fizikal di tapak selagi belum mendapat kelulusan daripada jabatan bertanggungjawab seperti projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang (PSR), Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) dan Pan Island Link (PIL).

“Sememangnya di negeri-negeri lain mereka rasakan boleh mulakan pelaksanaan tanpa mendapatkan kelulusan ini, tetapi di Pulau Pinang kita tegaskan bahawa selagi tiada kelulusan, selagi kita boleh berusaha menambah baik apa-apa ulasan dikemukakan oleh agensi wajib, maka yang wajib dipatuhi dan dipenuhi itu kita akan laksanakan.

“Kerana kebajikan dan keselamatan rakyat adalah menjadi keutamaan dalam pelaksanaan projek-projek ini. Diharap segala proses yang ketat ini sebagaimana dikenakan kepada Pulau Pinang, juga disyaratkan kepada mana-mana projek berimpak tinggi yang lain bukan sahaja kepada sosial, ekonomi dan juga alam sekitar,” serunya.

Mutiara Health Kiosk demi tingkat pemahaman penyakit tidak berjangkit

GEORGE TOWN – Mutiara Health Kiosk (MHK) di kawasan awam mampu menangani gejala penyakit tidak berjangkit dalam kalangan masyarakat.

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin pada Majlis Pelancaran MHK di sini 22 Februari lalu.

Menurut beliau, penyakit tidak berjangkit yang dimaksudkan dan begitu sinonim dengan rakyat Malaysia adalah kencing manis, darah tinggi, serangan jantung dan lain-lain.

“Inisiatif MHK yang dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang mampu tingkatkan pemahaman rakyat terhadap penyakit-penyakit tidak berjangkit ini.

“Justeru, saya sarankan masyarakat di sini khasnya dapat merebut peluang ini untuk menjalankan saringan pemeriksaan kesihatan percuma yang disediakan, bak kata pepatah, mencegah itu adalah lebih baik daripada mengubati,” ucapnya pada majlis berkaitan.

Kaunter MHK yang mula dibuka pada 22 Februari 2019 akan beroperasi pada setiap Selasa di Tingkat 3, Komtar dari jam 11 pagi hingga 2 petang; dan Khamis, aras bawah Bangunan MARA,

Weld Quay waktu yang sama.

Hadir sama, Pengarah JKN Pulau Pinang, Datuk Dr. Wan Mansor Hamzah dan Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri, Mohd. Amir Hashim.

Menyentuh tentang penyakit tidak berjangkit, Afif turut menyatakan bahawa Malaysia merupakan antara negara serantau di Asia Tenggara yang mempunyai kadar obesiti tinggi.

“Selain obesiti, kita (Malaysia) juga mempunyai kadar penyakit tidak berjangkit yang tinggi... bicara tentang Pulau Pinang pula, kencing manis serta darah tinggi adalah lebih sikit daripada kadar kebangsaan dan perlu dijaga,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Mengulas lanjut, Afif turut menyentuh mengenai kesihatan mental rakyat Malaysia yang dilihat perlu diberi perhatian.

“Baru-baru ini, saya ada bertemu dengan sekumpulan NGO (pertubuhan bukan kerajaan), dan kita akan memperkenalkan program Happy Penang dalam usaha menangani masalah kesihatan mental.

“Kita ingin melihat soal kesedaran tentang kesihatan mental dalam kalangan rakyat,” katanya.

HIPP patuh syariah jangka beroperasi 2022 - YDP MAINPP

GEORGE TOWN – Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato’ Abdul Malik Abul Kassim memberitahu bahawa hospital patuh syariah pertama negeri iaitu Hospital Islam Pulau Pinang (HIPP) bakal beroperasi pada tahun 2022.

Katanya, hospital itu adalah berkoncepkan wakaf dan zakat selain bertujuan membantu golongan kurang berkecukupan mendapatkan rawatan perubatan.


“Hospital 14 tingkat tersebut akan dilengkapkan dengan kemudahan 200 katil termasuk 20 daripadanya adalah khusus kepada golongan asnaf.

“(Dan), projek bernilai RM250 juta tersebut akan dibina di Jalan Mayang Sari, Bayan Baru,” ujar beliau dalam sidang media di sini 22 Februari lalu.

Terdahulu, MAINPP telah menandatangani perjanjian pajakan pembinaan HIPP dengan Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP).

Dalam pada itu, Pengurus YIPP, Dato’ Mansor Othman menyatakan bahawa kelulusan awal berwajib telah diperoleh daripada MAINPP sejak Ogos 2016.

Namun, ulasnya, butir-butir perjanjian telah dimuktamadkan pada akhir tahun 2018.



ABDUL MALIK ABUL KASSIM (duduk, kanan), Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (berdiri, tiga dari kanan) serta Ahli Lembaga MAINPP lain menyaksikan Mansor Othman (duduk, kiri) menandatangani dokumen berwajib pada sidang media di sini baru-baru ini.

“Perjanjian ini akan memberi hak kepada YIPP untuk memajak sebuah tapak di Lot 3096, Mukim 12, Bayan Baru, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang selama 66 tahun.

“YIPP juga telah melantik Hospital Pakar An Nur Hasanah Sdn. Bhd. (HPAN) sebagai pengendali untuk menguruskan hospital, dan telah diberi kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 22 September 2016,” jelasnya.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat.

Perpustakaan Digital & Makmal STEAM, inisiatif HCHS depani Revolusi Industri 4.0

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : ALVIE CHENG

GEORGE TOWN – Han Chiang High School (HCHS) menjadi sekolah pertama di Pulau Pinang yang membangunkan Perpustakaan STEAM (sains, teknologi, kejuruteraan, seni dan matematik) bagi menyediakan pelajar mendepani masa depan kian mencabar terutamanya dalam bidang-bidang berkaitan.

Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru HCHS, Ngoo Seong Boon berkata, inisiatif tersebut adalah bagi melengkapkan para pelajar di institusi Pendidikan berkaitan dengan kemahiran asas sebagai mempersiapkan mereka merentasi Revolusi Industri 4.0.

“Selain itu, HCHS juga turut menggabungkan pembelajaran STEAM ini dalam sukuhan pelajaran Tingkatan 4 dan 5.

“Diharap inisiatif ini mampu memberikan inspirasi kepada sekolah-sekolah lain dan menjadi contoh dalam memperkasakan pendidikan STEAM di Malaysia,” ujarnya pada Majlis Perasmian Perpustakaan Digital dan Makmal STEAM di sekolah berkenaan dekat sini 22 Februari lalu.

Difahamkan pembangunan Perpustakaan

Digital dan Makmal STEAM tersebut merupakan hasil kerjasama antara Pengarah HCHS, Kerajaan Negeri, IKIP Pulau Pinang, Penang STEM 4.0, Penang Digital Library (PDL), pakar-pakar industri, para guru dan ibu bapa.

Mengulas lanjut, Seong Boon memberitahu bahawa dengan mewujudkan perpustakaan digital, para pelajar berpeluang mengakses e-buku yang terdapat di PDL.

“Kami berharap usaha ini terus mendapat sokongan Kerajaan Negeri terutamanya dalam menambah lebih banyak e-buku serta bahan ilmiah di PDL,” serunya.

Hadir menyempurnakan majlis pelancaran, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi serta Dato’ Ar. Yew Tung Seang (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP).

Dalam pada itu, Jagdeep yang juga Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa dalam ucapan



SEBAHAGIAN pelajar menunjukkan kemahiran robotik bersempena Majlis Perasmian Perpustakaan Digital dan Makmal STEAM HCHS di sini baru-baru ini.

perasmianya memuji usaha dipelopori HCHS dengan mempersiapkan para pelajarnya bagi memenuhi kehendak pasaran.

“Ia adalah seiring dengan wawasan Kerajaan Negeri dalam memperkasakan Revolusi Industri 4.0 di negeri ini,” jelas beliau.

Promosi program ILP perlu diperluas

BAGAN DALAM – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees menyarankan agar Kerajaan Persekutuan mempergiatkan lagi promosi berkaitan program-program ditawarkan di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) kepada pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di negara ini.

Menurutnya, langkah itu adalah penting bagi mengelakkan pelajar-pelajar lepasan SPM yang gagal meneruskan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dimanipulasi pihak-pihak berkaitan dengan menawarkan kursus-kursus tidak diiktiraf.

“Hasil perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan baru-baru ini, saya dimaklumkan bahawa pada setiap tahun, hampir 70,000 pelajar lepasan SPM tidak dapat meneruskan pelajaran ke peringkat seterusnya.

“Kebanyakan daripada mereka bertindak mengambil kursus-kursus tidak diiktiraf di institusi-institusi swasta berkaitan yang adakalanya langsung tidak masuk akal dan menyebabkan pelajar-pelajar ini terpaksa menanggung hutang ribuan ringgit tanpa mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian.

“Justeru, saya merasakan kerajaan perlu mengambil inisiatif untuk mempromosikan program-program yang ditawarkan oleh ILJTM khususnya Institut Latihan Perindustrian (ILP) serta institusi-institusi latihan sedia ada lain kepada pelajar lepasan SPM,” jelasnya semasa merasmikan Program ILP Pilihan Bijak anjuran Pejabat ADUN Bagan

Dalam di sini 24 Februari lalu.

Turut serta, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), K. Kumaran; Pengerusi-Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bagan Dalam serta Pegawai-Pegawai dari ILJTM.

Difahamkan, sebanyak tujuh institut latihan kemahiran mengambil bahagian dalam program tersebut iaitu Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI) Bukit Minyak; Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Taiping; ADTEC Kulim; ILP Kepala Batas; ILP Arumugam Pillai, Nibong Tebal; ILP Kangar serta ILP Perai.

Mengulas lanjut, Satees menyatakan bahawa terdapat pelbagai institusi milik kerajaan di negara ini yang menawarkan kursus-kursus latihan berkualiti serta relevan dengan keperluan semasa.

“Bayaran masuk juga berpatutan iaitu dalam lingkungan RM700 dan kos selebihnya ditanggung oleh pihak kerajaan, namun kemudahan ini gagal dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar kita kerana kurangnya pendedahan mengenai ia,” katanya.



M. Satees (tiga dari kanan) mengadakan lawatan ke gerai-gerai pameran sejurus merasmikan Program ILP Pilihan Bijak di sini baru-baru ini.

الكلية الإسلامية التكنولوجية العالمية ببنانج
KOLEJ ISLAM TEKNOLOGI ANTARABANGSA (KITAB)
PULAU PINANG

AMBILAN JANUARI, MEI & SEPTEMBER

REBAT ISTIMEWA UNTUK PENDAFTARAN AWAL

- **SIJIL/INTENSIF**
- **DIPLOMA 3 KREDIT SPM**
- **IJAZAH SARJANA MUDA (MQA : FA 1502)**

DISKAUN
RM500 UNTUK DIPLOMA
RM300 UNTUK INTENSIF

+60 4 835 1688
kolej islam teknologi antarabangsa pulau pinang-rasmi
kitabpulaupinang

Bengkel 8R, bimbing generasi muda cintai alam sekitar

Oleh : SUNARTI YUSOFF

Gambar : NOOR SITI NABILAH NOORAZIS

BAGAN JERMAL – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSB) dengan Kerjasama Fraser & Neave (F&N) Holdings Bhd. menganjurkan Bengkel 8R Sekolah Tadika bertempat di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kwang Hua dekat sini pada 2 Mac lalu.

Sebanyak sembilan tadika mengambil bahagian dalam program berkenaan iaitu Tan Educations, Tabika Perpaduan Taman Bagan, Tadika Pintar Minda, Tadika Chin Jen, Tadika Kaliber Murni, Tadika Holistik Gemilang, Tadika Holistik Pintar Sg. Muda, Tadika Cahaya Permata Ibu dan Tadika Inovasi.

Perasmian program disempurnakan oleh Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Boon Poh berkata, penganjuran program tersebut mampu meningkatkan kesedaran dan pemahaman kanak-kanak mengenai amalan 8R (*Rethink, Refuse, Reduce, Reuse, Repair, Re-Gift, Recover and Recycle*) dalam kehidupan seharian.

“Pendidikan alam sekitar memainkan peranan penting kepada murid-murid prasekolah selain pembelajaran subjek ini boleh disertakan dengan pelbagai aktiviti menarik.

“Justeru, guru-guru dan ibu bapa perlu memastikan murid-murid prasekolah mendapat pengetahuan asas tentang isu pemuliharaan alam sekitar.

“Malah, guru-guru juga perlu memasukkan pengajaran mengenai alam sekitar melalui kajian dan aktiviti mereka, seperti membantu memahami bahawa menerusi tindakan berskala kecil seperti kitar semula, ia dapat membawa perubahan kepada dunia,” katanya pada majlis berkaitan.

Dalam pada itu, Pengurus Hal Ehwal Korporat F&N Holdings Bhd., Cariessa Goh Geak Hwa memberitahu bahawa penganjuran program berkenaan adalah bertujuan menggalakkan murid-murid prasekolah mengamalkan tabiat kitar semula dalam kehidupan seharian mereka.

“Program ini adalah salah satu usaha bagi membimbing generasi muda untuk mencintai alam sekitar dalam kehidupan seharian, malah



PHEE Bon Poh (berkemeja putih) memerhatikan aksi salah seorang murid yang mengambil bahagian dalam acara permainan sempena penganjuran Bengkel 8R Sekolah Tadika di sini baru-baru ini.

pada masa sama mengetahui cara betul untuk membuang serta mengenal pasti barang boleh kitar semula walau di mana mereka berada,” ujarnya.

Antara aktiviti menarik yang diadakan sepanjang program berlangsung adalah pameran alam sekitar, sesi bercerita dan

permainan kanak-kanak yang bertujuan untuk mengasah bakat mereka untuk berfikir dan mengingat.

Melalui aktiviti-aktiviti tersebut, murid-murid prasekolah berpeluang menonjolkan bakat mereka melalui permainan menggunakan teknik dipelajari.

Penaiktarafan Anjung Kasih langkah proaktif gabung khidmat perubatan dan sosial

GEORGE TOWN – Penaiktarafan Anjung Kasih Yayasan Kebajikan Negara (YKN) iaitu projek rumah penginapan sementara percuma di Hospital Pulau Pinang (HPP) dengan kos RM850,547.50 merupakan satu langkah proaktif dalam menggabungkan perkhidmatan perubatan dan khidmat sosial.

Projek berkaitan bermula pada 1 Februari 2018 dan siap 1 November tahun sama yang ditanggung oleh YKN dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat selaku Lembaga Pemegang Amanah YKN di sini pada 3 Mac lalu.

Wan Azizah dalam ucapannya berkata, kewujudan Anjung Kasih sebagai sebuah rumah tumpangan percuma kepada waris pesakit adalah amat penting memandangkan HPP merupakan hospital kedua tersibuk dalam negara selepas Hospital Kuala Lumpur (HKL).

“Di sini juga merupakan pusat rujukan kedua terbesar negara, justeru kewujudan Anjung Kasih adalah amat penting dalam memberi sokongan moral daripada pihak ahli keluarga kepada pesakit yang sedang menjalani rawatan di HPP terutamanya dalam tempoh yang panjang.

“Umumnya, Anjung Kasih yang beroperasi sejak 2006 dan sehingga kini di 10 lokasi, yang mana Kerajaan Pusat menampung perbelanjaan kira-kira RM6.9 juta selain mendapat sokongan di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihak swasta sebanyak RM1.6 juta,” ujarnya yang juga Ahli Parlimen Pandan, Selangor.

Wan Azizah menyatakan sedemikian pada Majlis Perasmian Anjung Kasih Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dekat Hospital Pulau Pinang (HPP) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan

Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pakatan Harapan; Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang, Datuk Dr. Wan Mansor Hamzah dan Pengarah Hospital Pulau Pinang, Datuk Dr. Norsidah Ismail.

Afif yang turut berucap pada majlis itu memberitahu bahawa Kerajaan Negeri sentiasa memberikan perhatian kepada permasalahan kebajikan, kemiskinan dan kesihatan warganya.

Tambah beliau, kemiskinan dan kesihatan sememangnya mempunyai kaitan seperti yang tertulis dalam jurnal *International Society and Equity of Health*.

“Berlandaskan itu, Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius aspek-aspek lain yang berkaitan dengan isu kebajikan serta kesejahteraan rakyat, sebagai contoh Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga membela nasib golongan yang kurang berkemampuan melalui pelaksanaan Program i-Sejahtera iaitu Program-program Emas dan Agenda Ekonomi Saksama (AES),” jelasnya.

Dalam pada itu, Wan Mansor ketika ditemui menyatakan bahawa kerja-kerja penaiktarafan tersebut kini mampu menampung sehingga 72 umum pada satu-satu masa berbanding dahulu hanya 44 orang.

Anjung Kasih yang dahulunya dikenali sebagai Balai Seri Tanjung cuma mampu menampung 44 orang pada satu-satu masa, tetapi kini setelah dinaik taraf, ia mempunyai 12 bilik serta 72 katil dengan kapasiti dilengkapi kemudahan berkualiti.

“Malah, ia juga dibangunkan menggunakan konsep warisan selari dengan status Bandar Raya George Town yang merupakan Bandar Warisan Dunia UNESCO,” katanya.

ANDA PENGUSAHA PRODUK AIR ATAU AIS? SUDAHKAH MEMILIKI LESEN - LESEN INI?

PERHATIAN!
BEROPERASI TANPA LESEN BOLEH DIDENDA TIDAK MELEBIHI RM10,000
ATAU PENJARA TIDAK MELEBIHI 2 TAHUN.

LESEN PENYEDIAAN AIS



Kiland yang menghasilkan ais untuk tujuan jualan WAJIB mendapatkan lesen dari KKM.

- Peraturan 394A, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.
- Layari <http://fsq.moh.gov.my> untuk melihat senarai kilang ais yang berlesen.

LESEN AIR MINERAL SEMULAJADI



Air Mineral Semulajadi (AMS) adalah air dari bawah tanah dan dibotolkan untuk tujuan jualan.

Semua pengusaha produk AMS keluaran tempatan atau diimport dari luar negara WAJIB mendapatkan lesen dari KKM.

- Peraturan 360A, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.
- Muat turun aplikasi MyFoodSafe di Play Store (Android) atau layari <http://fsq.moh.gov.my> untuk menyemak senarai kilang AMS yang berlesen.

LESEN AIR MINUMAN BERBUNGKUS



Air Minuman Berbungkus (AMB) adalah air yang telah dirawat dan dibotolkan untuk tujuan jualan.

Semua pengusaha produk AMB keluaran tempatan atau diimport dari luar negara WAJIB mendapatkan lesen dari KKM.

- Peraturan 360B, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.
- Muat turun aplikasi MyFoodSafe di Play Store (Android) atau layari <http://fsq.moh.gov.my> untuk menyemak senarai kilang AMB yang berlesen.

LESEN MESIN JUAL AIR



Mesin Jual Air (MJA) atau Water Vending Machine WAJIB mendapatkan lesen dari KKM.

- Peraturan 360C, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.
- Layari <http://fsq.moh.gov.my> untuk menyemak senarai pemilik mesin jual air yang berlesen.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
N.26 PADANG KOTA YAB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
N.03 PINANG TUNGGAL YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman	(T) 04 - 575 6526 (F) 04 - 575 6526
N.16 PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
N.07 SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my ; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
N.10 SEBERANG JAYA YB Dr. Affi Bahardin	(T) 04 - 390 5109 (F) 04 - 390 5109
N.15 PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028 (F) 04 - 530 3028
N.29 DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh Deo jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
N.37 BATU MAUNG YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain pusatkhidmatn3@gmail.com	(T) 04 - 626 1442 (F) 04 - 626 1442
N.08 BAGAN JERMAL YB Soon Lip Chee	(T) 04 - 331 0163
N.22 TANJONG BUNGA YB Zairil Khir Johari	(T) 04 - 890 3866
N.34 PAYA TERUBONG YB Yeah Soon Hin	(T) 04 - 827 8868 (F) 04 - 827 8868
N.28 KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
N.02 BERTAM YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq	(T) 013 - 430 6400 (P) 04 - 576 7606
N.06 TELOK AYER TAWAR YB Mustafa Kamal mustafakamal.mkba@gmail.com	(T) 04 - 351 1732
N.09 BAGAN DALAM YB Satees A/L Muniaandy n9.bagandalam@gmail.com	(T) 04 - 313 3990
N.11 PERMATANG PASIR YB Muhammad Faiz Bin Fadzil faizfadzilamanah@gmail.com	(T) 04 - 521 1106
N.12 PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela_ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
N.13 BERAPIT YB Heng Lee Lee berapit@dappg.org	(T) 017 - 813 3509 (F) 04 - 540 0006
N.14 MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon kllee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
N.17 BUKIT TENGAH YB Gooi Hsiao-Leung gooihsiaoleung@penang.gov.my	(T) 04 - 507 5001 (F) 04 - 507 5001
N.18 BUKIT TAMBUN YB Goh Choon Aik	(T) 04 - 502 5818 (F) 04 - 506 2138
N.19 JAWI YB H'ng Mooi Lye jawi@dappg.org	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
N.20 SUNGAI BAKAP YB Dr. Amar Pritpal Abdullah ybadunsungaibakapn20@gmail.com	(T)
N.21 SUNGAI ACHEH YB Zulkifli Ibrahim n21adunsgacheh@gmail.com	(T)
N.23 AIR PUTIH YB Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
N.24 KEBUN BUNGA YB Jason Ong Khan Lee kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
N.25 PULAU TIKUS YB Lee Chun Kit pulautikus@dappg.org	(T) 04 - 228 5298 (F) 04 - 229 4294
N.27 PENGKALAN KOTA YB Gooi Zi Sen pengkalankota@dappg.org	(T) 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
N.30 SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim limsiewkhim@penang.gov.my	(T) 04 - 657 6630 (F) 04 - 658 6630
N.31 BATU LANCANG YB Ong Ah Teong batulancang@dappg.org	(T) 04 - 280 4411 (F) 04 - 280 4422
N.32 SERI DELIMA YB Syerleena Abdul Rashid 32seridelima@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
N.33 AIR ITAM YB Joseph Ng Soon Siang airitam@dappg.org	(T) 04 - 829 9143
N.35 BATU UBAN YB Kumaresan A/L Aramugam kumar.harapan35@gmail.com	(T) 04 - 668 1062 (F) 04 - 668 1062
N.36 PANTAI JEREJAK YB Dato' Saifuddin Nasution	(T)
N.38 BAYAN LEPAS YB Azril Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	(T) 04 - 649 3976 (F) 04 - 649 3976
N.39 PULAU BETONG YB Haji Mohd. Tuah Ismail	(T) 04 - 866 0214
N.40 TELUK BAHANG YB Zolkify Md. Lazim	(T)
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115
-	(T)


Nama ADUN PEMBANGKANG	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA YB Ustaz Yusni Mat Piah	(T)
N.04 PERMATANG BERANGAN YB Nor Hafizah Othman	(T)
N.05 SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T)
PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA Md. Khalil Saleh novafast63@gmail.com	(T) 012 - 598 4881
N.04 PERMATANG BERANGAN Dato' Jasmin Mohamad jmmohamed002@gmail.com	(T) 018 - 468 6610
N.05 SUNGAI DUA Yusri Isahak ysrregnot@gmail.com	(T) 019 - 337 4055

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999
DIREKTORI TELEFON	103
OPERATOR ANTARABANGSA	101
HOTLINE MBPP	04-263 7637
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM	04-228 9012
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893
SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI	04-262 1957
KASTAM	04-262 2300
IMIGRESEN	04-250 3419
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340
EPF	04-226 1000
SOCSCO	04-238 9888

JPJ	04-656 4131
JABATAN PENDAFTARAN	04-398 8809
PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
FERI (GEORGETOWN)	04-210 2363
(BUTTERWORTH)	04-310 2377
JAMBATAN PP	04-398 7419
STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
CAP	04-829 9511
BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
PERPUSTAKAAN PP	04-281 1108
	04-229 8555

Program-Program Emas



Program-Program Emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2019**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
Anuar Yusoff	016 - 461 6390
A'ziss Zainal Abiddin	017 - 938 9192
Cheen Goon Hooi	012 - 402 0923
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Dr. Seow Kweng Tian	012 - 507 2229
Heng Yeh Shuan	016 - 261 2460
Jason Raj a/l Kirupanantha	014 - 905 8113
Johnson a/l Anthonysamy	012 - 424 5745
Kang Yau Chuang	010 - 829 3904
Khong Chee Seong	011 - 1522 6628
Kumaran A/L Krishnan	012 - 464 4697
Marshidaliza Marzuki	011 - 3929 9023
Mohd Saifullah Abd. Nasir	013 - 770 1001 013 - 503 3349
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Mohamad Akmal Azhar	019 - 518 5145
Ong Jing Cheng	012 - 758 3779 016 - 445 5709
Ooi Yong Wooi	016 - 421 1196
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tengku Rasidah Tengku Kamarudin	019 - 473 1323
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Zaini Awang	019 - 546 3115
Zulkiply Ishak	013 - 431 6161

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Yeap Choon Keong	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	013 - 449 0366
2.	Velan A/L Kalimuthu	Barat Daya		018 - 394 4537
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara		012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah		019 - 457 2271
5.	Vadi Velan A/L Subramaniam	Seberang Perai Selatan		011 - 1144 1816

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2019**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Ahmad Azrizal Tahir	019 - 541 4818
Aidi Akhbal Mohamed Zainon	012 - 464 3004
Azahari Aris	016 - 499 2580
Azli Ibrahim	011 - 2432 9007
Dr. Chee Heng Leng	017 - 333 9366
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Gerald Mak Mun Keong	016 - 452 6499
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Hari Krishnan a/l Ramakrishnan	010 - 505 5571
Harvindar Singh a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Kaliyappan a/l P. Renganathan	012 - 407 7276
Latifah Hussainsa	013 - 436 1999
Nurliyana Mohd Ramzi	011 - 3922 4080
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Ong Kean Peng	012 - 629 1133
Rohaizat Hamid	019 - 510 0075
Saiful Azwan Abd. Malik	016 - 463 2787
Shahrudin Mohamed Shariff	012 - 428 3160
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Tan Hooi Peng	012 - 498 6212
Tan Seng Keat	012 - 438 6191
Theng Jie Wey	016 - 418 7108
Vino Dini a/p Chandragason Pitchy	016 - 439 9358
Wong Yuee Harng	016 - 439 9121

**SIDANG REDAKSI
BULETIN MUTIARA**
Penulis:

YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

Jurugambar/Juruvideo:

LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

Jurugrafik:
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Layari

 www.buletinmutiara.com
 [buletinmutiara](#) | ChowKonYeow

 [chowkonyeow](#)
 [@chowkonyeow](#)

Tingkat pendapatan B40, jana tarikan pelancong ke Pulau Aman

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB
Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

SANGAT ketara kebersihan di kawasan pelancongan desa Pulau Aman, Batu Kawan pada pagi ini.

Tak ada lagi longgokan sampah di bahu trek pejalan kaki, begitu juga di gigi pantai berhampiran tapak perkhemanan awam.

Sejak tahun lepas lagi, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengambil langkah proaktif dengan melantik tenaga buruh daripada kalangan penduduk setempat sendiri bagi melaksanakan semua kerja-kerja pembersihan.

Yang di-Pertua, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa Kelab Wanita Aktif dan Cergas Pulau Aman telah diberikan RM11,500 tiap-tiap bulan untuk melaksanakan Kerja Pembersihan Am (KPA) dan Perkhidmatan Pungutan Sampah (PPS) di Pulau Aman serta Pulau Gedong.

Pemberian geran kepada kelab itu, menurut beliau adalah mulai 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2019.

“Dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), MPSP beri geran KPA dan PPS kepada Kelab Wanita Aktif dan Cergas Pulau Aman (sebagai langkah) penginstitusian *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB), bertujuan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah B40 (golongan berpendapatan isi rumah 40 peratus rendah).

“Geran ini, kita (MPSP) tak bagi kepada kontraktor lain, tapi kepada penduduk di sini sendiri, supaya dengan tindakan ini, golongan B40 termasuk golongan suri rumah daripada kalangan wanita dan juga lelaki, mereka boleh bekerja.

“Mereka bekerja di tempat mereka tinggal, tidak perlu ke tempat kerja lain; mereka tidak perlu berbelanja lebih untuk beli minyak petrol kenderaan, sekaligus menyumbang kepada usaha mewujudkan bandar rendah karbon,” katanya ketika turun padang bagi meninjau sendiri tahap kebersihan di Jeti Batu Musang dan Pulau Aman di sini pada 20 Februari 2019.



Sr. Rozali Mohamud (empat dari kanan) dan barisan kepimpinan MPSP merakam gambar kenangan dengan ahli-ahli Kelab Wanita Aktif dan Cergas Pulau Aman.



RUMAH inap desa yang terdapat di Pulau Aman.



ROKIAH Mustafa.

Budaya kerja baru

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MPSP, Mohd. Puad Hamid serta

Ketua-ketua Jabatan dalaman pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan turut serta lawatan kerja Rozali berkaitan.

Bercakap kepada pemberita, Rozali menyatakan bahawa penyertaan ketua-ketua jabatan dalam lawatan kerja di sini adalah contoh budaya kerja baru di peringkat pengurusan PBT berkenaan, iaitu ‘Management Walking Around’.

“Pada tahun 2019, saya telah memperkenalkan konsep ‘People Centric’ atau menyantuni rakyat, dengan harapan (pentadbiran) saya lebih dekat dengan rakyat bagi memahami satu-satu isu.

“Antara perubahan yang dibuat pada peringkat pengurusan adalah membuat ‘Management Walking Around’ iaitu pengurusan dengan berjalan-jalan melihat kawasan.

“Saya telah mengarahkan semua mesyuarat dimulakan selepas jam 10 pagi, kita tidak mahu banyak mesyuarat (sebaliknya) sebelum jam 10 pagi, semua pengarah (jabatan) termasuk Yang di-Pertua berada di tapak, seperti sekarang,” ujarnya dalam sidang media bersama-sama barisan pemimpin Kelab Wanita Aktif dan

Cergas Pulau Aman.

Rombongan kerja Rozali dibawa melihat segala kemudahan awam di sana, seperti trak untuk mandi rimba (*forest bathing*), projek-projek *upcycle*, kebun kejiranan, dewan serbaguna, landskap serta ladang ternak mini di sini, sebelum menikmati mee kuah selera tradisi tempatan.

Malah, turut dibawa melawat adalah beberapa rumah inap desa - semuanya ada 50 buah - dengan lesen serta bantuan kepakaran daripada Kementerian Pelancongan Malaysia sendiri.

Pujian penduduk

Umumnya, rombongan Rozali dan MPSP memang disambut meriah oleh penduduk tempatan.

Salah seorang penduduk, ROKIAH MUSTAFA, 68, menzahirkan penghargaan kepada MPSP kerana melantik Kelab Wanita Aktif dan Cergas Pulau Aman bagi melaksanakan KPA dan PPS.

“Sudah dua tahun makcik melaksanakan kerja pembersihan di sini, memang ada semangat kekitaan.

“Pertama, kita memang nak tengok tempat ini bersih, apabila bersih, lebih ramai pelancong datang dan tentu akan bawa limpahan kemewahan untuk penduduk tempatan yang berniaga pelbagai barang dan makanan di sini.

“Satu lagi, pendapatan penduduk di sini jua bertambah...kalau MPSP tak beri geran bulanan untuk kerja bersih pulau ini, makcik dan kawan-kawan lain pun tak ada kerja yang lebih bagus sejak tahun lalu (2018).

“Mungkin makcik kerja seperti dahulu, kerja dengan syarikat kontrak yang bermasalah, sampai lima bulan gaji kami tak dibayar, dan kawasan di pulau ini kotor.

“Mujur Ahli Majlis (MPSP), Puan Shuhada Abdul Rahim pernah datang ke sini, berjumpa



MENGADAKAN lawatan ke Telaga Mas.



SR. Rozali Mohamud pada sesi Management Walking Around di Pulau Aman.

sendiri dengan pemimpin wanita tempatan dan bawa cadangan kami supaya kerja-kerja pembersihan sini dilaksanakan sendiri oleh penduduk tempatan, bukan syarikat kontraktor swasta.

“Kalau selepas ini, MPSP ada peruntukan lebih untuk kerja-kerja cuci laut umpamanya, kebersihan di Pulau Aman yang sangat ketara bersih ini akan bertambah bersih lagi; ekonomi penduduk tempatan bertambah bagus sebab ada kerja dan pelancong tentu bertambah ramai datang ke Pulau Aman,” jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Rozali.

Tambahnya, Pulau Aman dalam tempoh dua tahun ini sebenarnya sangat ketara bersih berbanding sebelumnya, disebabkan langkah MPSP menyemarak semangat kekitaan dengan melantik penduduk tempatan untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan.

Pulau Pinang, pertama di Asia terima teknologi 'Terragraph'

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

GEORGE TOWN – Pulau Pinang menerajui Asia apabila terpilih sebagai perintis program berskala besar 'Terragraph' iaitu suatu teknologi capaian internet pantas tanpa wayar.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo berkata, selepas Hungary, Malaysia menjadi negara kedua di dunia dipilih untuk percubaan 'Terragraph' dan secara spesifiknya Pulau Pinang.

Menurut beliau, pemilihan tersebut adalah selaras dengan usaha kerajaan kini untuk melabur dan memajukan infrastruktur digital negara.

"Projek ini (dilaksanakan) tepat pada masanya kerana ia selari dengan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) yang bertujuan memenuhi permintaan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan bandar yang padat."

"Walaupun NFCP ini pelan gentian optik pertama seumpamanya, tetapi ia adalah teknologi agnostik...bermakna kita (kerajaan) terbuka kepada mana-mana teknologi yang mampu menyelesaikan masalah liputan termasuk teknologi 'Terragraph'," ucapnya pada pelancarannya di sini baru-baru ini.

Difahamkan, kerajaan memperuntukkan RM1 bilion dalam mempromosikan ekonomi digital di bawah pelaksanaan NFCP sehingga tahun 2023.

Bermula 1 Mac, pelaksanaan projek perintis ini akan menguji pasarannya selama enam bulan meliputi peruntukan capaian jalur lebar untuk kegunaan awam dan akses tanpa wayar tetap (FWA) di Bandar Warisan Dunia UNESCO George Town.

Dalam sidang media sejurus pelancaran, Gobind menyatakan bahawa pihaknya akan mencari penyelesaian terbaik dalam keupayaan capaian di samping menjamin kelajuan internet kepada umum.

"Kita (Kementerian) tidak mahu capaian internet yang murah dan laju sahaja, tetapi kita mahu suatu standard capaian yang berkualiti dan boleh dipercayai."

"Oleh itu, pihak saya (Kementerian) akan menetapkan kriteria kepada pembekal perkhidmatan agar mencapai kualiti capaian pada kelajuan tertentu dan perkara ini telah saya maklumkan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bahawa kita mahu capaian



GOBIND Singh Deo (duduk, kiri) bersama-sama Jagdeep Singh Deo (duduk, kanan) mencuba peranti realiti maya (VR) sejurus pelancaran teknologi 'Terragraph' di sini baru-baru ini.

sekurang-kurangnya 30 megabit sesaat (Mbps)," ujarnya.

Turut serta, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif YTL Communications Sdn. Bhd. (YTL), Wing K. Lee berkata, projek berkaitan adalah disokong oleh Facebook yang menjana reka bentuk rujukan merangkumi sistem perisian dan peralatan yang sesuai untuk pengoperasian teknologi berkaitan.

"Pihak kami (YTL) mengenal pasti peluang unik untuk

mengoperasikan teknologi berinovasi tinggi ini tanpa mengganggu struktur warisan UNESCO di bandar raya George Town.

"Malah, pelaksanaannya juga akan melengkapkan visi Pulau Pinang, *Penang2030* yang bukan sahaja menjadi bandar raya berteknologi pintar, malah juga mesra alam dan mengutamakan kekeluargaan," jelasnya.

Terragraph mula diperkenalkan pada 2016 dan ia direka untuk membawa kelajuan gigabit tinggi ke kawasan bandar yang mempunyai kepadatan penduduk.

Kerajaan Negeri tidak lagi berhasrat ambil alih perkhidmatan feri - Ketua Menteri

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri tidak lagi mempunyai hasrat untuk mengambil alih operasi feri Pulau Pinang.

Perkara tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sebagai menjawab pertanyaan pihak media berhubung pendirian terkini Kerajaan Negeri mengenai perkara tersebut.

Kon Yeow dalam responsnya menyatakan bahawa, perkara itu sudah diputuskan dahulu selepas satu kajian yang dilakukan Kerajaan Negeri terhadap kos operasi mendapati bahawa perkhidmatan feri Pulau Pinang adalah tidak mampan dan mengalami kerugian hampir RM10 hingga RM15 juta setahun kini.

"Padamasa itu pun, kita (Kerajaan Negeri) sudah putuskan tidak akan melanjutkan penelitian untuk mengambil alih operasi perkhidmatan feri memandangkan ia telah diasingkan daripada (pengoperasian) pelabuhan Pulau Pinang."

"Jika perkhidmatan feri ini dipakejkan sekali bersama-sama pengoperasian pelabuhan Pulau Pinang, maka ia adalah

satu perniagaan yang menguntungkan," ujarnya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjung pada sidang media di sini 6 Mac lalu.

Terdahulu, Kerajaan Negeri di bawah pimpinan mantan Ketua Menteri, Lim Guan Eng berhasrat untuk mengambil alih perkhidmatan feri Pulau Pinang.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Bagaimanapun, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi berharap pihak Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) melalui anak syarikatnya, Rapid Ferry Sdn. Bhd. yang telah mengambil alih perkhidmatan feri Pulau Pinang dapat melakukannya sesuatu agar perkhidmatan ini dipulihkan segera.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri, kita berharap perkhidmatan feri ini dapat dipulihkan sama ada dari segi kewangan, perkhidmatan dan sebagainya," jelasnya.

Pulau Pinang harap projek LRT dapat kelulusan selepas mesyuarat MPFN

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang berharap cadangan untuk membina Transit Aliran Ringan (LRT) mendapat kelulusan selepas projek tambakan di selatan Pulau Pinang atau *Penang South Reclamation* (PSR) dibentangkan pada mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) April ini.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, kementerian berwajib sekurang-kurangnya memberikan kelulusan bersyarat agar pihak Kerajaan Negeri dapat menyediakan keperluan selanjutnya.

"Pemberian kelulusan bersyarat ini bukanlah sesuatu praktis yang baru, misalnya, bagi projek berkembar lebuh raya, kontraktor mesti mematuhi 59 syarat-syarat sebelum mendapatkan kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA).

"Malah, di peringkat Kerajaan Tempatan, ada kelulusan yang diberikan berserta syarat-syarat lain yang perlu dipatuhi (sebelum boleh memulakan sesuatu projek). Ini adalah biasa," ujarnya pada sidang media sejurus merasmikan Dasar Keterangkuman Gender Negeri Pulau Pinang di sini 9 Mac lalu.

Menurut Kon Yeow, pemberian kelulusan bersyarat dapat mengelak situasi 'ayam

dan telur' – yang mana mendapat kelulusan dahulu, projek penambakan atau LRT.

"Sekiranya situasi 'ayam dan telur' ini diambil, tiada apa-apa yang akan terjadi, sebaliknya sekiranya kelulusan bersyarat diberikan, perkara lain dapat dilaksanakan selepas itu."

"Mengenai projek LRT ini, wakil daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah meminta supaya cadangan pemajuan projek tambakan dibentangkan pada mesyuarat MRFN April ini bagi membolehkan EIA dihantar."

"Kita (Kerajaan Negeri) telah menghantar EIA sebelum ini dan sekarang kita melakukan sedikit penambahbaikan selepas menerima maklum balas teknikal daripada beberapa individu dan badan berkaitan," jelasnya.

Bagi cadangan projek *Pan Island Link 1* (PIL1) pula, Kon Yeow menyatakan bahawa pihaknya sedang menunggu keputusan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengenai permohonan EIA.

"Pertemuan terakhir dalam mesyuarat bersama-sama JAS telah dilaksanakan dan kini kita (Kerajaan Negeri) masih menunggu keputusannya," katanya.

MOA sasar kurang kerentah birokrasi, tingkat daya saing

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

Gambar : **CHAN KOK KUAN**

BATU MAUNG – Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Datuk Salahuddin Ayub mensasarkan untuk mengurangkan kerentah birokrasi di semua peringkat dalam Kementeriannya.

Jelas beliau, birokrasi umumnya mampu membantutkan usaha MOA untuk menambah baik mutu perkhidmatan terhadap penggiat sektor pertanian dan perikanan.

“Saya ingin memastikan kerentah birokrasi ini dapat dikurangkan kerana ia hanya akan membantutkan usaha-usaha kita (MOA) dalam memberikan bantuan kepada kedua-dua sektor makanan terpenting ini.

“Kita (MOA) tidak mahu lagi permohonan atau proses yang dikemukakan oleh petani dan nelayan lambat serta banyak halangan, sebaliknya kita (MOA) mahukan satu reformasi sistem demi meningkatkan daya saing sekaligus menjadi penyumbang utama dalam sektor ekonomi negara,” ujar Salahuddin sambil memberitahu akan melakukan perbincangan dengan setiap Ketua Setiausaha (KSU) Jabatan di bawah MOA dalam masa terdekat ke arah merealisasikan hasrat tersebut.



SALAHUDDIN Ayub (berdiri, berkemeja kelabu) pada Majlis Perasmian Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Peringkat Negeri

Pulau Pinang Tahun 2019 dekat Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Batu Maung di sini 12 Mac lalu.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri

Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr Affif Bahardin; Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani merangkap Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin; Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MOA, Datuk Salim Parlan dan Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk Munir Mohd. Nawi.

Serentak itu, turut berlangsung sesi dialog antara petani dan nelayan dengan pihak MOA, Exco dan Jabatan Perikanan Malaysia.

Antara maklum balas yang dibangkitkan termasuk isu bantuan sara hidup nelayan, tambakan laut, pencerobohan nelayan luar Pulau Pinang, penggunaan pukat tidak dibenarkan di persisir pantai serta penguatkuasaan.

Salahuddin ketika menjawab soalan memberi jaminan bahawa sejurus ekonomi dan kewangan negara pulih, beliau akan berjumpa dengan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan bagi mengutarakan isu (bantuan sara hidup) tersebut.

“Menyentuh isu penguatkuasaan, saya akan melihat semula secara keseluruhan fungsi setiap agensi seperti Jabatan Perikanan dan Agensi Peguatuasaan Maritim Malaysia (APMM) agar lebih berkesan dan efisien,” jelas beliau.

SJKT, Tadika dan Sekolah Punjabi terima peruntukan RM2.39 juta

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyerahkan bantuan kewangan berjumlah RM2.39 juta kepada Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Tadika, Tabung Khas Pendidikan Tamil serta Sekolah-Sekolah Punjabi di seluruh negeri.

Jumlah tersebut meningkat sebanyak RM380,000 pada tahun ini berbanding RM2,010,000 (2018).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pemberian sumbangan tersebut adalah bertujuan menambahbaik kemudahan infrastruktur dan keperluan asas persekolahan demi keselesaan para pelajar selain mewujudkan suasana lebih kondusif.

“Sejak dengan perubahan corak dan sistem pendidikan masa kini, sekolah Tamil juga tidak boleh ketinggalan dalam menghadapi cabaran abad ke-21.

“Oleh itu, Kerajaan Negeri mula mengambil langkah-langkah ke arah meningkatkan kemudahan ICT (Informasi dan Teknologi Maklumat) termoden seperti komputer, projektor, viziualizer dan sebagainya yang diharap dapat menyumbang kepada modenisasi kepada sistem pendidikan negara ini,” ujarnya pada program berkenaan di sini 7 Mac lalu.

Turut berucap, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan Pengerusi Jawatankuasa Khas Sekolah-Sekolah Tamil Pulau Pinang, Datuk Dr. K. Anbalagan.

Hadir sama, barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani dan ramai lagi.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa peruntukan yang diagihkan adalah berlandaskan keperluan di setiap sekolah dan diharap ia mampu memberi manfaat untuk masa hadapan.

“Pelaburan untuk pendidikan adalah pelaburan untuk masa hadapan.

“Justeru, marilah kita sediakan masa depan yang baik untuk anak-anak dan sediakan anak-anak untuk masa depan yang baik,” serunya.

Difahamkan, peruntukan bagi sekolah Tamil dinaikkan daripada RM1.75 juta kepada RM2 juta (SJKT), daripada RM100,000 kepada RM150,000 (tadika), daripada RM100,000 kepada RM150,000 (Tabung Khas Sekolah Tamil) dan RM60,000 kepada RM90,000 (sekolah Punjabi).

INSENTIF Cabaran SISA MAKANAN



Adakah anda menguruskan sisa makanan anda?
ya
→

tidak
←

Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung



PERMOHONAN INSENTIF

- Menerima RM 1000 untuk setiap penyertaan
- Terhad kepada 10 pendaftar berkelayakan sahaja

TEMPOH PERMOHONAN:
1 APRIL - 30 OKTOBER 2018

*tertakluk kepada terma dan syarat

04 250 3322 | 016 517 7382 | info@pgc.com.my

IMBAS
KOD INI

Bagaimana anda menguruskannya?

- ☞ Mempunyai sistem pengurusan sisa makanan sendiri, atau
- ☞ menghantar kepada pihak ketiga untuk diproses

PERMOHONAN INSENTIF

- Menerima RM 1000 untuk setiap penyertaan
- Terhad kepada 10 pendaftar berkelayakan sahaja

TEMPOH PERMOHONAN:
1 APRIL - 30 OKTOBER 2018

*tertakluk kepada terma dan syarat

04 250 3322 | 016 517 7382 | info@pgc.com.my

*tertakluk kepada terma dan syarat



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627

Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 10782 HASLINA BINTI NOOR MOHD SHAHR - 74111807**** 3-1-37 LINTANG BAYAN 8, SERI DELIMA, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10783 NURULLIANA BINTI MUHIT IDIN - 82072307**** 15-2 PANGSAPURI AMANIAH 1, JALAN AMANIAH MULIA 5, 68100 BATU CAVES, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 10784 ZURAIDA BINTI MOHD. ROMLI - 80091507**** JAB. KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA, JALAN HAMZAH, AMPANG PECAH, 44000 KUALA KUBU BARU, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 10787 ROHAIDA BINTI RAMLI - 82103007**** JABATAN PELAJARAN PULAU PINANG, JALAN BUKIT GAMBIER, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1	: HALIMAH BINTI BIDIN - 61110207**** PLOT 9510 LILITAN BAYAN, KAMPUNG TERUSUN, SUNGAI ARA 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: AMRUL QAHHAR BIN MUHIT IDIN - 77122607**** NO.16 TINGKAT SIAKAP 3, SEBERANG JAYA, 13700 PERAI	Penjamin 1	: MOHD HASNIZAM B MOHAMAD SHAHRANI - 79062308**** A4 KUARTERS DARUL QURAN, JAKIM, JALAN HAMZAH, AMPANG PECAH 44000 KUALA KUBU BARU, SELANGOR	Penjamin 1	: KAHIRIL JIZAN BIN KHAIRUDDIN - 82072207**** 11-8 HALAMAN CENDANA COURT, PERSIARAN MAYANG PASIR 8, BAYAN BARU, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2	: ZOLKEFLY BIN BIDIN - 67092307**** 10E-6-6 PANGSAPIRI HARMONI, JALAN KENNEDY 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: FARIZUL IZHAM BIN ZAKARIA - 8403102**** NO. 14 LORONG 9A, TAMAN PERUDA FASA 1B, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 2	: MOHD HAIRI BIN SHAHARI - 80101708**** 2328 FELDA GUNUNG BESOUT DUA, 35600 SUNGKAI, PERAK	Penjamin 2	: MUHAMAD FAIZAN BIN OSMAN - 8202707**** NO. 1486 PERMATANG TINGGI B 13200 KEPALA BATAS, SPU
No Akaun Peminjam	: 10796 ANWAR IBRAHIM BIN ABDULLAH MUNIR - 78082307**** 2A-23-18 MUTIARA HEIGHT, LINTANG HAJAH REHMAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10797 MUHAMMAD SYAZWAN BIN MANSOR - 86121435**** NO. 260 LORONG JAWA, PERMATANG TOK LABU 13110 PENAGA, SPU	No Akaun Peminjam	: 10804 OOI BOON CHENG - 86013007**** 93 JALAN JERNIH, TAMAN JERNIH 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 10806 LIM MUK YEE - 88051807**** 1-22-06, BL AVENUE, SOLOK THEAN TEIK 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1	: SURIAH BEGUM BINTI M ABDUL RAHMAN - 70061407**** 19-5-03 HILIR SUNGAI PINANG, SERINA BAY, JELUTONG 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: MANSOR BIN OSMAN - (MENINGGAL DUNIA) 260 LORONG JAWA, PERMATANG TOK LABU 13110 PENAGA, SPU	Penjamin 1	: TEH CHONG SIANG - 7206107**** 7 JALAN NENAS, TAMAN ENG SENG, SUNGAI RAMBAU 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: OH SHIEN ROYE - 79010107**** 73C-12-2 CENTRAL PARK, LEBUHRAYA JELUTONG 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2	: SYAMSUL BIN MOHAMED - 85051207**** 5-3-14 PANGSAPIRI JELUTONG INDAH, LENGGOK HAJI AHMAD, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: MAK NOR BIN ISMAIL - 58030307**** NO. 5584 KOTA AUR 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: OOI KWOK KWANG - 63120207**** 3054 JALAN KAMPUNG BARU, TAMAN KIJANG INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: KOAY SOON LI - 84112607**** 32 MEDAN GOH GUAN HOE 11400 AYER ITAM, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 10809 TAN WEI PING - 84073009**** NO.279-5-3 LORONG TAMPIN, JALAN PERAK 10150 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10811 AZUANA BINTI JAAFAR - 84070602**** KOMPLEKS KASTAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, NO. 22 JALAN SS 6/3 KELANA JAYA, 47301 PETALING JAYA, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 10813 HANIF BIN HASHIM - 87092135**** 15 JALAN HIJAU 11/7, BANDAR TASEK PUTERI, 48020 RAWANG, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 10816 SITI ZAHARAH BINTI SHAIKH AHMAD - 86040535**** NO. 214-V TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG
Penjamin 1	: GOH SOON LEE - 61010207**** NO. 49A CHEW JETTY QUAY, 10300 PULAU PINANG	Penjamin 1	: MOHD RIDZUAN BIN ZULKAFI - RF154*** IBU PEJABAT POLIS DAERAH AMPANG JAYA, TAMAN DAGANG, AMPANG 68000 SELANGOR	Penjamin 1	: NORIAH BINTI SALLEH - 58051303**** LOT 1981 KAMPUNG KUBANG PAK AMIN 17000 PASIR MAS, KELANTAN	Penjamin 1	: SHAMSUL BIN MOHAMAD SALLEH - 76082010**** BLOK 8-03-09 LEBUH NIPAH 3, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2	: TAN SOK CHEE - 69051608**** 279-5-3 TAMPIN COURT, LORONG TAMPIN 10150 PULAU PINANG	Penjamin 2	: MAHMUD SHALTUD BIN MOHD ALI - 61012010**** 2C-T09-U.07 JALAN P9G PRECINT 9, 62500 PUTRAJAYA	Penjamin 2	: MUHAMMAD BIN HASHIM - 72060602**** NO. 31 LORONG ANGERIK, TAMAN HARMONI, KULIM, 09000 KEDAH	Penjamin 2	: JAHIR HUSSAIN BIN MADAR - 69072807**** 5-20 TAMAN MANGGIS, JALAN ZAINUL ABIDIN, 10400 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 10818 LAW MEI CHIN - 86070635**** 42A LORONG 3/SS8, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS	No Akaun Peminjam	: 10823 NITTINYASSI A/P MARDAMUTHU - 82021607**** BLOK B-G-15 TAMAN RATHINA, SIMPANG TIGA 13300 TASEK GELUGOR, SPU	No Akaun Peminjam	: 10825 MUHAMMAD MAZLAN SHAH BIN MUHAMMAD SHAH - 83040707**** BLOK 25-11-1 TAMAN SERI DAMAI, JELUTONG 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10839 JAYAKUMAR A/L MARDAMUTHU - 86120535**** NO. 2 JALAN AUSTIN PERDANA 5/15, TAMAN AUSTIN PERDANA 81100 JOHOR BAHRU, JOHOR
Penjamin 1	: LAW SWEE BENG - 54080807**** 25 LORONG PEKAKA 1, TAMAN DESA BARU, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MAGASVARI A/P BALAKRISHNAN - 82121102**** NO. 1015 JALAN MELOR 2, PERSIARAN AMANJAYA 5, 08000 SUNAGI PETANI, KEDAH	Penjamin 1	: MAZLINA BINTI MUHAMMAD SHAH - 85050114**** BLOK 25-11-1 TAMAN SERI DAMAI, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG	Penjamin 1	: GAYATHIRI A/P MARDAMUTHU - 80091707**** NO. 2 JALAN AUSTIN PERDANA 5/15, TAMAN AUSTIN PERDANA 81100 JOHOR BAHRU, JOHOR
Penjamin 2	: LOW GAIIH HONG - 71122107**** 25 LORONG PEKAKA 1, TAMAN DESA BARU, SUNGAI DUA 11700, GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 2	: VADIVO A/P ARUMUGAM - 82011508**** NO. 437 PADANG PADANG MEIHA 09400 PADANG SERAI, KEDAH	Penjamin 2	: MAZLINDA BINTI MUHAMMAD SHAH - 86102256**** BLOK 25-11-1 TAMAN SERI DAMAI, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG	Penjamin 2	: DANIEL A/L ARULAPPAN - 83062108**** NO. 2 JALAN AUSTIN PERDANA 5/15, TAMAN AUSTIN PERDANA 81100 JOHOR BAHRU, JOHOR
No Akaun Peminjam	: 10844 CALEEN GOH WOAN JENG - 86121735**** NO.10 TINGKAT MUHIBAH 7, TAMAN ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 10850 MOHD SAYUTI BIN ABD HALIM - 80093007**** 999B MK 9 JALAN SEPATK, KAMPUNG MASJID, TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10859 MOHD YASER BIN SEHAT@SEHAR - 78991807**** NO. 2929 MUKIM 16, TASEK JUNJUNG 14120 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 10861 MOHAMED HASHIM BIN MOHD YUSUFF - 86022635**** NO. 27 JALAN PERWIRA, TAMAN WIRA 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1	: NAK RONG A/L KAM - 83021607**** BLOK 4B-8-17, LORONG SEMARAK API, 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 1	: SURIANI BINTI ABD HALIM - 86100138**** 999 B MK 9 JALAN SEPATK, KAMPUNG MASJID, BAYAN LEPAS 11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG	Penjamin 1	: SEHAT BIN JUSOH - 49072307**** NO. 2929 MUKIM 16 , TASEK JUNJUNG 14120 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: MOHAMED HEIZAL BIN MOHAMED YUSUFF - 77112014**** 27 JALAN PERWIRA, TAMAN WIRA 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 2	: RAMLI BIN ISMAIL - 63032107**** NO.1423 MERBAU KUDUNG 13800 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: MOSHIN BIN ABD HALIM - 82021107**** 999 B MK 9 JALAN SEPATK, KAMPUNG MASJID, BAYAN LEPAS 11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHD YAZID BIN SEHAT - 76080607**** 2929 MUKIM 16, TASEK JUNJUNG 14120 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: NURWATI BINTI ABDUL WAHAB - 79082971**** 61 JALAN 5, MINDEN HEIGHTS 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 10866 NORAZALINDA BINTI ZAINOL - 88021835**** 152 MK 11 KAMPUNG SERONOK, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10869 BAN KAI YIN - 88052835**** NO. 16 JALAN PP 3/2, TAMAN PUTRA PRIMA 47130 PUCHONG, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 10874 CHANDRASEKARAN A/L JOSEPH PAUL - 82052607**** NO. 90 LORONG PERWIRA INDAH 2, TAMAN PERWIRA INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 10875 AFIFUDIN BIN MD ISHAK - 85120407**** 17 LORONG BERTAM INDAH 4/8, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1	: NORZAILAN BIN ZAINOL - 83070507**** 152 MUKIM 11, KAMPUNG SERONOK 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: BAN HOCK HENG - 53100507**** 6-05-05 SRI KRISTAL, LENGGOK ANGSANA, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 1	: JOSEPH PAUL A/L IGNATIUS PAUL - 57030707**** NO. 90 LORONG PERWIRA INDAH 2, TAMAN PERWIRA INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: HISHAMUDDIN BIN MD ISHAK - 80122708**** 17 LORONG BERTAM INDAH 4/8, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2	: ZAINOL BIN HSUAIN - 54112607**** 152 MUKIM 11, KAMPUNG SERONOK 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: SIM KIAN HONG - 48100107**** 146 DATUK OOH CHOOI CHENG 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: SUBRAMANIAM A/L ARUMUGAM - 53112707**** 4 LORONG BETEK 5, TAMAN SUNGAI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: NASARUDDIN BIN MD ISHAK - 78072708**** 17 LORONG BERTAM INDAH 4/8, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
No Akaun Peminjam	: 10879 CHAN YUK CHOOON - 81082407**** NO.104 TAMAN SRI KULIM 09000 KULIM, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 10882 QUAH CHEE KENG - 84102207**** NO. 33 LINTANG GELUGOR 11600 GELUGOR, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10886 LIM YEOK QUAN - 86070735**** NO. 9 LORONG BAGAN TAMBUN 2, TAMAN BAGAN TAMBUN 14100 SIMPANG AMPAT, SPS	No Akaun Peminjam	: 10892 VSALNI A/P RAJA GOPAL - 86121535**** NO. 37 TINGKAT SENANGIN 6, 13600 PERAI
Penjamin 1	: CHUI LEE KUN - 76092207****	Penjamin 1	: QUAH CHEE HONG - 77021007**** NO.33 LINTANG GELUGOR 11600 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 1	: LIM AH CHAI - 58042107**** NO. 9 LORONG BAGAN TAMBUN 2, TAMAN BAGAN TAMBUN, 14100 SIMPANG EMPAT, SPS	Penjamin 1	: RAJA GOPAL A/L THANDAYAN - 60102907**** NO.37 TINGKAT SENANGIN 6, TAMAN SENANGIN 13600 PERAI
Penjamin 2	: CHONG MOOI CHIN - 71030602**** NO.105 TAMAN SRI KULIM 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 2	: TAN THIAM CHEE - 79042307**** 1-02-01 SOLOK PAYA TERUBONG 8, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2	: TAN KIAN GUAN - 52082707**** 1661 JALAN BUKIT TAMBUN 14100 SIMPANG EMPAT, SPS	Penjamin 2	: GUNAGGELAN A/L PERUMAL - 68091608**** NO. 20 LORONG KURAU 7, TAMAN CHAI LENG 13700 PERAI
No Akaun Peminjam	: 10893 LEE KEAN LOONG - 88111535**** NO.633 LORONG KEMUNING 3, TAMAN KEMUNING 09000 KULIM, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 10896 VISHNU VARTHAN A/L RAJASEGARAN - 84052907**** NO. 415 LORONG SENANGIN 2/5, TAMAN SENANGIN, KULIM 09000 KEDAH	No Akaun Peminjam	: 10897 SITI NOOR BINTI AHMAD - 88111407**** 253 MUKIM H LOT 19, SUNGAI BURUNG, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10899 MOHD IKHWAN BIN MOHAMMAD SALEH - 85021407**** NO.16 TAMAN SEROJA 2, JALAN BUKIT MERTAJAM 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 1	: WONG THANK HOONG - 79102907**** 5027 JALAN SELASIH 1, TAMAN SELASIH 5, 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 1	: RAJASEGARAN A/L APPAROO - 59061707**** NO. 415 LORONG SENANGIN 2/5, TAMAN SENANGIN 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 1	: AHMAD BIN ARIFFIN - 63101807**** 253 MUKIM H, SUNGAI BURUNG 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MOHAMMAD SALEH BIN MAT ZAIN - 56120607**** 16 TAMAN SEROJA 2, JALAN BUKIT MERTAJAM, 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2	: LEE AH KOW - 44024702**** 143-B JALAN PADANG TEMBAK, 11400 AYER ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2	: SALMA A/P PAPAIH - 55092102**** 6 LORONG BERTAM INDAH 36, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: NOR HIZAM BIN AZIZ - 77062707**** 253 MUKIM H, SUNGAI BURUNG 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 2	



PERTANDINGAN MELUKIS POSTER BERTEMAKAN:

PENANG
2030

**“Penang2030: Negeri Pintar, Hijau
Dan Berteraskan Keluarga Yang
Menginspirasikan Negara”**

HADIAH
UTAMA
RM500



1. Penyertaan terbuka kepada mereka yang berusia 13 tahun dan ke atas.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
3. Saiz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 24 cm).
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Setiap set penyertaan perlu bertemakan 'PENANG2030: NEGERI PINTAR, HIJAU DAN BERTERASKAN KELUARGA YANG MENGINSPIRASIKAN NEGARA' dengan logo 'Penang2030'.
7. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan pengajur adalah tidak sah.
9. Semua karya adalah milik pengajur.
10. Tarikh tutup penyertaan, 31 Mei 2019.

Sila isi butiran berikut:

Nama :
 No.Kad Pengenalan :
 Alamat :
 No. Telefon : (Rumah) (Bimbbit)
 Emel:

Pastikan semua butiran diisi dengan langkap.



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627

Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 10915 AUFANA BINTI U DEEUB - 89051506**** NO. 0683 JALAN J1, TAMAN MELAWATI FASA 6, 53100 KUALA LUMPUR	No Akaun Peminjam	: 10917 AHMAD FIRDAUS BIN MANSOR - 88042835**** 5220 PADANG TEMBUSU 13100 PENAGA, SPU	No Akaun Peminjam	: 10919 MOHAMMAD NAJMAN BIN NORDIN - 89072107**** NO.1953 PERMATANG BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 10920 SAABAN HAFIZHI BIN ABD HAMID - 78070507**** 2-U, JALAN SULTAN AZLAN SHAH, BAYAN BARU 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1	: ABU BAKAR BIN RAMLI - 54040102**** KAMPUNG ULU RELAU 14200 SUNGAI BAKAP, SPS	Penjamin 1	: MANSOR BIN MAN - 52120707**** 5220 PADANG TEMBUSU 13100 PENAGA, SPU	Penjamin 1	: NORDIN BIN A KADIR - 62052608**** 1953 PERMATANG BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: FATHIMAH BINTI AHAMAD ABADI - 79122707**** NO.2-U JALAN SULTAN AZLAN SHAH 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG
Penjamin 2	: SARASHILAH BINTI ABU BAKAR - 83102207**** 23 JALAN PINTU AIR RELAU 14200 SUNGAI BAKAP, SPS	Penjamin 2	: SITI SUMIRA BINTI MANSOR - 81032207**** 5220 PADANG TEMBUSU 13100 PENAGA, SPU	Penjamin 2	: ISHAQ BIN ZAHID - 53052007**** 24 LORONG TEMENGONG 5, TAMAN KOSKAM, PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: NORHAFIZAH BINTI ABD HAMID - 80072607**** BLOK B-1-2 FLAT UDA 10470 TANJUNG TOKONG, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 10933 KHAIRUL AZLAN SHAH BIN MOHD - 87011307**** APMM, DAERAH MARITIM 4 PELABUHAN KLANG, LOT 2, SOLOK SULTAN HISHAMUDDIN 16 BANDAR SULTAN SULAIMAN 42005 PELABUHAN KELANG, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 10940 LEE SENG HOW - 87062235**** 2-6-1 TINGKAT PAYA TERUBONG 3, 11060 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10941 ANG LAK CHOOI - 87010535**** NO.5205 JALAN PENGKALAN, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 10943 NOOR ZAWANI BINTI MOHAMED - 88091907**** NO.6-G-2 LENGKOK MAHSURI, BAYAN BARU 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1	: KHAIRUL HILMI BIN MOHAMMAD - 81091406**** A3-3-1 HALAMAN AREKA, MK 13, LEBUH NIPAH, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 1	: CHUAH LAY SEE - 74110607**** 1-G-03 LEBUH PAYA TERUBONG 4, 11060 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ANG LAK POOI - 85053007**** 5205 JALAN PENGKALAN, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: ZULKIFLI BIN MOHAMED - 61011507**** 380 KAMPUNG BARU, JALAN AIR ITAM, AIR ITAM 11400 PULAU PINANG
Penjamin 2	: NORHANA BINTI TASRIPAN - 80070601**** A3-3-1 HALAMAN AREKA, MK 13, LEBUH NIPAH, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: KOAY SENG KIE@KOAY SENG KEE - 44091507**** 47-G JALAN BATU JANTAN 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2	: NG THONG FEE - 54091907**** 38 LORONG DESA PALMA 4, TAMAN DESA PALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: NORLINA BINTI ABU MALIK - 72011707**** 380 KAMPUNG BARU, JALAN AIR ITAM, AIR ITAM 11400 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 10947 AAEIDAH BT ABD RAZAK - 85012307**** 6707B MUKIM 20 KUBANG SEMANG 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 10948 MOHAMED FARIS BIN MOHAMED NOOR - 89032907**** NO. 58 LORONG MURNI 31, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 10949 AMIRUL NIZAM BIN MD AZIZI - 85101135**** NO. 395 BUKIT INDERA MUDA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 10953 KOK HOOI SHIANG - 86101407**** 10 LORONG TAMPOI 5, TAMAN TAMPOI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: FARIDAH BINTI YAHAYA - 58031507**** 1624 MUKIM 20, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: MOHAMED NOOR BIN MOHAMED YUNUS - 6402407**** 58 LORONG MURNI 31, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: NORSIAH BINTI HJ AHMAD - 58090207**** NO.395 BUKIT INDERA MUDA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: KOK HOOI LING - 83082607**** 10 LORONG TAMPOI 5, TAMAN TAMPOI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2	: ABD RAZAK BIN HASSAN - 57012707**** 1624 MUKIM 20, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: ASRI BIN OSMAN - 75011607**** AS-1-6 TAMAN TUN SARDON 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 2	: NORAINI BINTI MD MIN - 60020407**** 3240 JALAN MAHSURI 6/7, TAMAN MAHSURI, PADANG SERAI 09400 KEDAH	Penjamin 2	: CHEONG CHAI FEI - 86072023**** 88-G-15 PUNCAK ERSKINE, JALAN FETTES, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 10954 HARRIS BIN RAHUMAD TULLAH - 85062502**** PEJABAT AGAMA DAERAH TIMUR LAUT, PARAS 34 KOMTAR 10000 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10955 MUHAMMAD AIZAT BIN ABDUL GHANI - 86011635**** PEJABAT NEGERI PERTAHANAN AWAM PULAU PINANG, LOT 277 & 278 JALAN AYER ITAM 10460 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: MUHAMAD AZRAI BIN MOHAMAD ZAINI - 82092207**** 7A-12-03 DESA INTAN, LEBUHRAYA THEAN TEIK 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: AFIQ AIMAN BIN HALILLUDIN - 86081935**** 25-03-01 TINGKAT PAYA TERUBONG 3, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1	: ZAITON BINTI MYDIN PITCHEY - 63062102**** 2B-21-03 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJAH REHMAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG	Penjamin 2	: RAHUMAD TULLAH BIN ABDUL MAJID - 56111908**** 2B-21-03 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJAH REHMAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG	Penjamin 1		Penjamin 2	
Penjamin 2							

SAM buka kilang pembuat komponen pesawat, Menteri puji kepimpinan Ketua Menteri

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
 Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

BUKIT TAMBUN - Syarikat pembuat bahagian fizikal pesawat awam Singapura, *SAM Precision* membuka sebuah lagi sayap kilang baru di Pulau Pinang untuk menghasilkan struktur selongsong Airbus A320neo dan A350.

Mengulas lanjut, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ignatius Darel Leiking menyatakan bahawa negeri-negeri lain perlu mencontohi Pulau Pinang sebagai antara destinasi FDI pilihan serantau, yang ketika ini di bawah kepimpinan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

"Negeri-negeri lain di Malaysia perlu melihat bagaimana Pulau Pinang dibangunkan dengan ekosistem ekonomi yang baik, sistem rantaian bekalan mencukupi dan penstrukturkan ekonomi berdasarkan perindustrian."

"Saya yakin Y.A.B. (Kon Yeow) dapat berkongsi pengalaman dengan negeri-negeri lain mengenai kaedah mengurus pelaburan negeri."

"Sebenarnya, berapa banyak pun angka pelaburan langsung asing (FDI) masuk ke Pulau Pinang, paling penting adalah

kualiti pelaburan dalam pembangunan industri di tanah air ini."

"Apa jua jenis kejuruteraan ataupun produk yang dihasilkan kelak, saya tak pasti apa yang anda semua fikirkan tapi saya rasa industri Airbus pada tahun 2020 ataupun 2030 nanti akan menjadikan Malaysia lebih mesra (pelabur)," jelasnya dalam sidang media sebelum berucap pada Majlis Pembukaan Kilang *SAM Precision (M) Sdn. Bhd.* dekat Taman Sains Pulau Pinang, Bukit Minyak di sini pada 21 Februari 2019.

Selepas itu, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi menyempurnakan acara perasmian majlis pembukaan kilang itu.

Turut berucap, Pengurus *SAM Engineering & Equipment Bhd. (SAMEE)*, Tan Kai Hoe.

Kai Hoe memberitahu bahawa pembukaan kilang seluas 145,000 kaki persegi di sini dengan nilai pelaburan sejumlah RM140 juta adalah membabitkan jumlah pengambilan tenaga buruh terlatih maksimum sehingga 200 orang kelak.

"Sehingga kini, keseluruhan pelaburan SAMEE adalah lebih RM500 juta, dan hari ini mempunyai lebih 1,200 pekerja," ujarnya.



POSE istimewa Ketua Menteri dan Ignatius Darel Leiking (berkemeja putih) pada Majlis Pembukaan Kilang *SAM Precision (M) Sdn. Bhd.* di sini baru-baru ini.

Pusat SME sedia inkubator usahawan IKS, pemangkin industri Negeri

BAYAN LEPAS - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang berharap penyediaan kemudahan Pusat SME Pulau Pinang dekat Bayan Lepas kepada para usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dapat meningkatkan lagi rantaian bekalan di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata demikian selepas mendengar taklimat khas berhubung hal sewaan Pusat SME Pulau Pinang serta penjelasan para penyewa lot IKS mengenai operasi mereka di sini.

"Kerajaan Negeri gembira kerana ia (Pusat SME Pulau Pinang) dapat menyediakan inkubator untuk usahawan IKS, mereka adalah asas pemangkin bagi industri di Pulau Pinang."

"Kita (Kerajaan Negeri) mahu membantu dan memupuk budaya IKS ini demi meningkatkan rantaian nilai," katanya selepas sesi taklimat tersebut di sini pada 1 Mac 2019.

Sebelum itu, Ketua Pegawai Eksekutif investPenang, Dato' Loo Lee Lian dan Pengurus Lee Yoeu Chek membuat taklimat mengenai Pusat SME Pulau Pinang.

T.W. Teng (*Advance LSP*), S.B. Tan (Penyelesaian *NLYtech*), Visithira Barathi (Sokongan Perkhidmatan *FCA*), Alice Ch'ng Hooi Hoon (*Togun Malaysia*) dan Kali Selvan Subramaniam (*Infinecs System*) antara wakil penyewa lot Pusat SME Pulau Pinang yang mengambil bahagian memberikan taklimat mengenai operasi IKS masing-masing kepada Kon Yeow.

Menariknya, *Togun Malaysia* terlibat dengan industri kesihatan, menghasilkan air minuman hidrogen dan merawat air kumbahan industri. Ia sedang menunggu kelulusan Kementerian Kesihatan.

Apabila ditanya, mengapa mereka memilih Pulau Pinang untuk menubuhkan IKS mereka, Hooi Hoon yang merupakan pengurus operasi, dalam tersenyum berkata: "Pulau Pinang mempunyai tarif air terendah di Malaysia."

Jawapannya menarik ketawa daripada semua yang hadir

di taklimat.

Turut hadir ialah Ahli Majlis PKS Pulau Pinang, Datuk Dr. Mohd. Sofi Osman; Ahli Parliment Bukit Bendera, Wong Hon Wai; Ahli Dewan Undangan Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Ketua Eksekutif Pelaburan, Ang Kit Sin; Ketua Pegawai Eksekutif *Togun TG Holdings*, Ben Khor dan Ketua Pegawai Kewangan, Angelin Lee.

Difahamkan, bangunan empat tingkat Pusat SME Pulau Pinang dibina pada tahun 2011 dengan kos RM40 juta, kini dimiliki agensi negeri iaitu Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Di sebalik pemajuan projek itu, Kerajaan Negeri mahu mewujudkan jenama '*Made in Penang*' bagi rantaian bekalan di negeri ini.

Lee Lian menyatakan bahawa para penyewa tempatan di Pusat SME Pulau Pinang berpeluang menikmati kadar sewa 'bersubsidi' untuk membantu mereka mengembangkan perusahaan masing-masing sebelum berpindah ke SME Village di Batu Kawan.

Menurutnya, kadar sewa berbeza-beza untuk lot kosong, unit pejabat lengkap dan unit asas yang telah diubah suai adalah untuk menggalakkan lagi penyertaan usahawan IKS.

Beliau menambah bahawa Pusat SME Pulau Pinang mempunyai ruang lantai berjumlah 166,000 kaki persegi dengan kawasan sewa seluas 128,000 kaki persegi.

Terdapat 12 penyewa sedia ada dengan masing-masing menyewa ruang lantai antara 1,500 kaki persegi dan 13,000 kaki persegi.

Mereka, *LSP Advance*, *Innogrity*, *Togun Malaysia*, *Macrogine*, *Solusi NLYtech*, *Fintexs Technologies*, *Thunder Software Technologies Malaysia*, *FCA Services Support (Malaysia)*, *Hadi Engineering Solution*, *Sales & Support Advantest*, *Infinecs Systems* dan *TT Vision Technologies*.

Abbott hasrat kukuhkan pasaran di Pulau Pinang

PANTAI JEREJAK - Abbott Medical Device Division Penang (Abbott) yang mengambil alih kilang berasaskan perubatan, St. Jude Medical Operations Sdn. Bhd. pada Januari 2017 kini memperkuuhkan kedudukan syarikatnya dengan mempunyai kira-kira 1,020 kakitangan.

Pengarah Urusan Abbott, Eow Hu Teik berkata, pihaknya juga berhasrat untuk memperkuuhkan pasarannya di Pulau Pinang selaras polisi syarikat berkenaan iaitu '*Built as if Intended for My Family*'.

"Penghasilan produk utama di sini adalah berkaitan nutrisi, diagnostik, penjagaan jantung, kencing manis, mata dan farmasi."

"Abbott juga merupakan satu-satunya lokasi pembuatan peranti jantung di kawasan Asia."

"Justeru, adalah menjadi harapan agar Abbott dapat menawarkan sepenuhnya peranti inovatif untuk menjaga kesihatan jantung," ujarnya pada lawatan wakil-wakil Kerajaan Negeri ke syarikat berkenaan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Chris Lee Chun Kit dan Ketua Pegawai Eksekutif investPenang (iP), Dato' Loo Lee Lian.

Difahamkan, Abbott adalah salah sebuah syarikat penjagaan kesihatan terkemuka dunia yang beribu pejabat di Illinois, Amerika Syarikat dengan cawangan di lebih daripada 150 negara dan kekuatan pekerja seramai 99,000 orang.

Kon Yeow dan delegasi Kerajaan Negeri kemudiannya dibawa melawat ke seluruh kawasan kilang sebelum menghadiri mesyuarat tertutup bersama-sama pihak pengurusan atasan Abbott.

Forest Bathing MPSP diteruskan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
 Gambar: **NOOR SITI NABILAH
NOORAZIS**

BERAPIT – Program *Forest Bathing* atau Terapi Rimba yang mula diperkenalkan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada 2018 akan diteruskan di enam lokasi baru tahun ini.

Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmud berkata, enam lokasi baharu yang dikenal pasti adalah di Taman Rekreasi Bukit Indah; Bukit Langkap (*Suling Hill*); Hutan Bakau Sungai Acheh; Taman Rekreasi Sungai Jarak, Padang Cempedak; Bukit Katak, Tasek Gelugor serta Taman Negeri

Panchor.

“Secara keseluruhannya, program *Forest Bathing* yang dianjurkan tahun lepas didapati amat berjaya dan mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai dengan rekod kehadiran seramai kira-kira 200 peserta.

Justeru, pada pagi ini (23 Februari), kita melaksanakan program *Forest Bathing* Siri Pertama untuk tahun ini di Taman Rekreasi Bukit Indah yang kaya dengan pelbagai spesies pokok hutan seperti getah, pokok ara, lutong dan sebagainya.

Selain itu, MPSP juga telah menyediakan beberapa kemudahan sukan di seperti alat permainan



IR. Rosnani Mahmud (tiga dari kiri) menyempurnakan acara pelepasan peserta pengajuran program *Forest Bathing* Siri Pertama bagi tahun 2019 di sini baru-baru ini.



AKSI sebahagian peserta yang mengambil bahagian.

Pertandingan Kebun Kejiranan demi iktiraf inisiatif hijau komuniti

SEBERANG JAYA – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) buat julung kalinya menganjurkan Pertandingan Kebun Kejiranan kawasan Seberang Perai bagi mengiktiraf inisiatif-inisiatif hijau yang dilaksanakan komuniti dalam menjaga kualiti alam sekitar.

Majlis perasmian program berkenaan disempurnakan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, program kebun kejiranan merupakan satu usaha untuk menggalakkan penjanaan kebersihan dan penghijauan melalui penglibatan komuniti selain mampu menjana pendapatan.

“Melalui program ini, penduduk digalakkan menanam sayur-sayuran di dalam kawasan seluas 3,000 ekar atau kurang.

“Setiap komuniti yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini akan diberikan kompos seberat 50 kilogram (kg) sebagai insentif bagi menggalakkan mereka menanam sayur-sayuran secara organik.

“Justeru, adalah diharapkan tanah-tanah lapang yang terbiar di sekitar Seberang Perai boleh diusahakan sebagai kebun kejiranan melalui pertandingan ini,” ucapnya pada majlis berkaitan dekat Ibu Pejabat MPSP di sini 21 Februari lalu.

Hadir sama, barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmud; Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP; Pegawai Daerah Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah, Kamarul Haizal Koderat; Pengarah Pusat Transformasi Komuniti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof. Madya Dr. Norkhalid Salimin serta ramai lagi.

Difahamkan, antara kriteria pemilihan dinilai adalah berdasarkan pemantapan pengurusan ladang, produktiviti yang baik, penggunaan teknologi, pengalaman pertanian baik, pemasaran, keadaan fizikal projek dan aspek-aspek berkaitan.

Pada majlis itu juga, Abdul Rahman turut menerima sebuah mesin kompos *Economical Food Waste Composter* (EFWC) yang diinovasikan oleh MPSP dengan kerjasama UPSI untuk digunakan di kediaman rasmi beliau di Seri Mutiara.

Mengulas mengenai perkara itu, Rozali menyatakan bahawa kesudian Abdul Rahman melaksanakan pengkomposan sisa makanan di kediaman beliau menunjukkan sikap prihatin pemimpin tertinggi di negeri ini dalam menjaga alam sekitar.

“Kesudian ini memberi teladan dan inspirasi kepada rakyat untuk melaksanakan kompos sisa organik di kediaman masing-masing,” ujarnya.

kanak-kanak, alat senaman jenis ‘outdoor gym’, wakaf, laluan pejalan kaki serta kerusi taman sekaligus menjadikan ia sesuai sebagai kawasan riadah,” katanya semasa merasmikan program berkenaan di sini 23 Februari lalu.

Turut serta, Ahli Majlis bagi MPSP, Bernard Cheen Goon Hooi; Pengurus Persatuan Penduduk Taman Bukit Indah, Francis Lee

Yew Wooi; Pengurus Persatuan Penduduk Taman Seri Bukit Indah, Khor Kheng Long, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MPSP serta komuniti setempat.

Mengulas lanjut, Rosnani turut memberitahu bahawa MPSP senantiasa berusaha melakukan penambahbaikan taman-taman awam bagi memenuhi keperluan

penduduk setempat.

“Perkara pertama akan dilihat adalah keselamatan penduduk serta kemudahan yang diperlukan berdasarkan maklum balas melalui kaedah Bajet Responsif Gender dan Partisipatori (GRPB).

“Kemudian, kita akan buat penilaian dan sekiranya dirasakan sesuai maka kita akan laksanakannya,” ujarnya.

Kad Recycle For Life ke arah mencapai 70 peratus kadar kitar semula

SEBERANG JAYA – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melancarkan Kad Recycle For Life (RFL) sebagai langkah mencapai sasaran 70 peratus kadar kitar semula menjelang tahun 2022.

Yang di-Pertua MPSP, Dato’ Sr. Rozali Mohamud berkata, program dengan kerjasama Syarikat E-Idaman Sdn. Bhd. (E-Idaman) tersebut bertujuan untuk menggalakkan amalan kitar semula dan mendidik kakitangan MPSP bahawa barang kitar semula juga mampu menghasilkan pendapatan.

“MPSP merupakan organisasi pertama di negara ini yang mempunyai kad pintar RFL yang teramai iaitu seramai 3,539 pekerja yang telah mendaftar untuk mendapatkan kad ini.

“Justeru, mulai Mac, jualan bulanan barang kitar semula di MPSP akan menggunakan kaedah jualan sistem RFL.

“Melalui sistem ini, hasil jualan (RM) akan dimasukkan ke dalam Kad RFL dan nilai ringgit yang dikumpul boleh digunakan untuk membeli barang di Pasaraya Econsave, Pasaraya Giant, Kedai KOSPEMA, kafetaria MPSP, pembayaran bil Syarikat Air Darul Aman (SADA), Pasar Raya Yawata Jitra dan beberapa restoran terpilih,” katanya semasa melancarkan kad berkenaan dekat Ibu Pejabat MPSP di sini 1 Mac lalu.

Turut serta, Ahli-Ahli Majlis dan Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani

Mahmod; Ketua Pegawai Eksekutif E-Idaman Sdn. Bhd., Ir. Mhd. Saiful Anuar Zainal; Ketua-Ketua Jabatan serta Pegawai Pegawai Kanan MPSP.

Mengulas lanjut, Rozali menyatakan bahawa pihaknya juga bercadang untuk mengembangkan program tersebut ke peringkat sekolah, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta komuniti Seberang Jaya.

“Barangan kitar semula yang dikumpul boleh dihantar ke Pejabat MPSP kerana pihak E-Idaman akan datang menimbang dan mengambil barang ini setiap sebulan,” jelasnya.

Dalam pada itu, Saiful Anuar menjelaskan bahawa nilai ringgit yang dikumpul boleh dibelanjakan di mana-mana pasar raya dan restoran terpilih dengan maksimum perbelanjaan adalah sebanyak RM200 sehari.

“Nilai hasil di dalam kad tidak ada had tetapi untuk berbelanja hanya dibenarkan RM200 sehari mengikut ketetapan pihak Bank Negara Malaysia (BNM).

“Namun, pada masa akan datang kita akan cuba memohon dengan BNM untuk tingkatkan maksimum perbelanjaan sebanyak RM1,500,” ujarnya.

Difahamkan, di Pulau Pinang hanya Pasar Raya Giant menyediakan kemudahan pembayaran menggunakan Kad RFL setakat ini.

Pendekatan GRPB berjaya wujudkan peluang pekerjaan kumpulan B40

SEBERANG JAYA – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melakar sejarah apabila menjadi satu-satunya pihak berkuasa tempatan (PBT) di negara ini yang mengguna pakai pendekatan Bajet Gender Responsif dan Penyertaan (GRPB) sejak tahun 2012.

Yang di-Pertua, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, pelaksanaan GRPB adalah untuk memastikan setiap sen yang dibelanjakan mampu memberi manfaat kepada setiap lapisan masyarakat.

Malah, katanya, pendekatan tersebut juga berjaya membuka peluang pekerjaan kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

“Proses GRPB dilaksanakan di semua peringkat melalui soal-selidik dan disusuli dengan perbincangan sebelum menentukan keutamaan projek yang bakal dilaksanakan.

“Selepas pelaksanaan, kita akan membuat penilaian untuk memastikan semua perkara yang diminta oleh penduduk berdasarkan gender dilaksanakan secara praktikal,” katanya pada sidang media selepas melancarkan GRPB Champion Award 2019 di sini 27 Februari lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau



SR. Rozali Mohamud (barisan pertama, empat dari kiri), Ong Bee Leng (barisan pertama, tiga dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama barisan jemputan, pengajur dan kakitangan MPSP sejurus melancarkan GRPB Champion Award 2019 di sini baru-baru ini.

Pinang (PWDC) Ong Bee Leng; Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmud; Ahli-Ahli Majlis bagi MPSP; Ketua-Ketua

Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan; Penggerusi-Penggerusi Persatuan dan para peserta.

Mengulas lanjut, Rozali memberitahu bahawa di bawah kaedah GRPB, MPSP telah melanjutkan kontrak pembersihan dan landskap di Pulau Aman yang dianugerahkan kepada komuniti melalui Kelab Wanita Aktif dan Cergas pada tahun lepas dengan peruntukan berjumlah RM11,500.

“Saya telah mengadakan Management By Walking Around ke Pulau Aman pada 20 Februari lalu dan mendapat tahap kebersihan di sana adalah sangat baik,” ujarnya.

Dalam pada itu, Bee Leng memberitahu bahawa pengajuran anugerah GRPB buat julung kalinya adalah bertujuan untuk mewujudkan persaingan sihat antara ketua jabatan dan unit-unit dalam MPSP.

“Paling penting, kita muhi memperkuuhkan dan mengarusperdanakan GRPB dalam pelaksanaan projek, program atau aktiviti,” jelas beliau.

Difahamkan, semua jabatan akan dinilai oleh panel pada September dan Oktober ini, manakala hadiah bakal disampaikan pada November.

Juara pertandingan akan menerima hadiah wang tunai berjumlah RM7,000, manakala naib juara (RM2,000) dan tempat ketiga (RM1,000).

Karnival Olimpik Pulau Pinang 2019, JOM!

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Pulau Pinang diumumkan sebagai tuan rumah bersempena pengajuran Karnival Olimpik Pulau Pinang 2019 yang bakal berlangsung pada 23 Jun ini.

Temasya berkenaan dianjurkan sempena Hari Olimpik Sedunia yang jatuh pada 23 Jun setiap tahun.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow percaya bahawa pengajuran tersebut sedikit-sebanyak bakal menyediakan platform kepada Pulau Pinang untuk melahirkan lebih ramai atlet dan bakat-bakat muda.

“Karnival ini adalah simbolik kepada kejohanan sukan yang paling berprestij kerana ianya menjadi impian setiap atlet untuk beraksi di pentas sukan Olimpik dunia.

“Sebanyak empat acara akan dipertandingkan iaitu badminton, bola tampar, sepak takraw dan tenpin bowling, yang mana setiap acara merangkumi tiga kategori iaitu di Bawah Umur 12 Tahun; Bawah Umur 18 Tahun serta 18 Tahun dan Ke Atas.

“Lokasi pertandingan adalah di Universiti Sains Malaysia (USM) bagi pertandingan bola tampar dan sepak takraw, Kompleks Sukan Bandaraya Relau (badminton) dan Megamall Prai serta Sunshine Square (tenpin bowling).

“Semua acara ini adalah terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia, justeru saya menyeru semua rakyat di Pulau Pinang dan dalam negara untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam acara-acara yang dibawakan khas sempena sambutan Hari Olimpik Dunia ini,” ujarnya pada sidang media pengumuman pengajuran berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee, Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan), Datuk Seri Abdul Azim Mohd. Zabidi (Timbalan Presiden Majlis Olimpik Malaysia, MOM), Datuk Ong Poh Eng (Naib

Presiden MOM), Datuk Mohd. Nazifuddin Mohd. Najib (Setiausaha Agung MOM) dan Frederick Tan Teck An (Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, MSNPP).

Serentak itu, Kon Yeow bersama-sama difif jemputan lain turut melancarkan logo rasmi Karnival Olimpik Pulau Pinang 2019.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa kemuncak acara ialah penyalaan simbolik cahaya olimpik atau *Flames of Olympic* yang mana obor akan dibawa oleh barisan bekas atlet Olimpik negara dan bakal atlet-atlet harapan negara pada 23 Jun 2019.

“Acara *countdown* baki hari Sukan Olimpik Tokyo 2020 juga akan turut diadakan pada malam tersebut,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parliment Tanjong.

Idea Karnival Olimpik Pulau Pinang 2019 dicetuskan oleh Lip Chee dalam usahanya memberi pendedahan terhadap bidang sukan berprestasi tinggi.

Dalam pada itu, Lip Chee menyatakan bahawa bersempena pengajuran tersebut, bakal berlangsung adalah acara Jalan Kaki 5 kilometer (km) Berkeluarga (*Family 5km Funwalk*) yang akan diadakan di Padang Kota Lama mulai jam 5.30 petang pada 23 Jun 2019.

“Penyertaan dibuka kepada 10,000 peserta dan yuran pendaftaran adalah RM40 untuk dewasa serta kanak-kanak di bawah umur 12 tahun (RM20).

“Selain itu, pelbagai aktiviti Mini Sukan Olimpik seperti hoki, gimnastik, olahraga, klinik bola sepak, demonstrasi sukan, bola keranjang 3-on-3, *street games*, sukan elektronik *e-games* turut akan berlangsung di perkarangan Padang Kota Lama secara percuma pada hari tersebut bermula jam 4 petang hingga 9.30 malam,” katanya.

Pendaftaran boleh dilakukan melalui laman sesawang <http://event.howei.com> bermula pada 7 Mac sehingga 30 April 2019.

Imbas untuk Pendaftaran & Matlamat lanjut
<https://event.howei.com/olympic-carnival-penang-2019>

MPKK diharap beri 100% komitmen bantu akar umbi fahami Penang2030

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap semua 92 Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi Daerah Timur Laut yang mendapat watikah pelantikan dapat memberi 100 peratus komitmen dalam membantu penduduk setempat memahami Penang2030.

Ketika berucap, Kon Yeow menyatakan bahawa MPKK perlu menjelaskan empat teras utama yang terkandung dalam dokumen bertulis mengenai wawasan pembangunan masa depan Pulau Pinang dalam tempoh 11 tahun sehingga 2030 itu.

"Empat teras utama yang digariskan dalam Penang2030 untuk memacu projek-projek pembangunan...antara projek terlibat termasuk pembinaan rumah mampu milik, penambahan sistem jaringan jalan raya sedia ada, program-program bantuan (kebijakan) dan transformasi pendidikan.

"Saya berharap agar semua

MPKK dapat memberikan 100 peratus komitmen untuk membantu komuniti setempat memahami serta membantu jentera Kerajaan Negeri mencapai objektif penubuhan Penang2030 secara holistik dan berkesan," jelasnya dalam Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan MPKK Peringkat Daerah Timur Laut Bagi Penggal 2019/2020 di sini pada 19 Februari 2019.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong memberitahu bahawa terdahulu terdapat 81 Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), dan bertambah 11 lagi jawatankuasa selepas distruktur semula kepada MPKK.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiuddin Abdul Rahman yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat, turut berucap pada majlis sama.

Pegawai Daerah Timur Laut, Rosli Halim dan beberapa wakil rakyat bagi daerah ini turut serta acara tersebut.

Elaun Pengerusi dan Setiausaha MPKK kekal

JAWI - Atas keprihatinan Kerajaan Negeri, elauan bagi Pengerusi, Setiausaha dan elauan-lauan lain bagi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) adalah dikekalkan.

Menurut Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiuddin Abdul Rahman, pemberian elauan tersebut tidak akan mengikut ketetapan yang diputuskan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) iaitu RM500 bagi Pengerusi dan RM300 (Setiausaha).

"Oleh itu, Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan mengekalkan elauan Pengerusi dan Setiausaha serta elauan-elauan pentadbiran lain seperti mesyuarat, masih sama seperti tahun-tahun sebelumnya.

"Jadi, kita (Kerajaan Negeri) tambahkan daripada elauan yang diberikan oleh KPLB tadi untuk menjadikan jumlah diterima oleh Pengerusi adalah RM700, Setiausaha (RM600) serta elauan-elauan mesyuarat," katanya pada Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Peringkat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) Penggal 2019/2020 di sini 21 Februari lalu.

Hadir sama, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Dr. Amar Pritpal Abdullah merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap; Jason H'ng Mooi Lye (ADUN Jawi); Goh Choon Aik (ADUN Bukit Tambun) dan Zulkifli Ibrahim (ADUN Sungai Aceh).

Setiausaha Perbandaran bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ir. Rosnani Mahmud dan Pegawai Daerah SPS, Yazman Yahya turut hadir.

Sehubungan itu, Ahmad Zakiuddin berharap anggota MPKK yang dilantik dapat menjalankan tanggungjawab dengan sebaik mungkin dalam membantu Kerajaan Negeri.

"MPKK merupakan perantara di antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat serta rakyat, maka tuan-tuan dan puan-puan adalah barisan pertama yang berhadapan dengan rakyat.

"Ini merupakan satu kerja berat, tiada *clock in* dan *clock out*, rakyat boleh ketutu rumah pukul 12 malam hatta 5 pagi," ujarnya yang juga ADUN Pinang Tunggal.

Pada majlis tersebut, seramai 53 wakil MPKK menerima watikah lantikan sebagai Pengerusi dan Setiausaha bagi semua Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) di SPS.



KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan bersama-sama para penerima watikah pada Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan MPKK Peringkat Daerah Timur Laut Bagi Penggal 2019/2020 di sini baru-baru ini.

Tahniah!

KEPADА PEJABAT-PEJABAT YANG TELAH DISAHKAN SEBAGAI PEJABAT HIJAU PULAU PINANG 2018

1. Unit Komunikasi Korporat Dan Inovasi, PSUKPP
2. Jabatan Penguatkuasaan, MBPP
3. Jabatan Landskap, MBPP
4. Bahagian Khidmat Pengurusan, PSUKPP
5. Badan Kawal Selia Air, PSUKPP
6. Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang
7. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd
8. Jabatan Landskap, MPSP
9. Dewan Sri Pinang
10. Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang
11. Penang Global Tourism Sdn Bhd
12. PICEB Sdn Bhd
13. Jabatan Khidmat Kemasyarakatan, MBPP
14. George Town World Heritage Incorporated
15. Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
16. Chief Minister Of Penang Incorporated (CMI), PSUKPP
17. Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang
18. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang
19. Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut
20. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang
21. Penang Development Corporation
22. Bahagian Perumahan, PSUKPP
23. Perbadanan Bekalan Air Sdn. Bhd. (*Customer Service*)
24. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (*Human Resource*)
25. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (*Corporate Affairs*)
26. Actmaxbiz Sdn Bhd
27. Cititel Penang
28. Penfabrics Mill 4 Sdn. Bhd.
29. ASE Electronics (M) Sdn Bhd
30. Honeywell Aerospace Avionics Malaysia Sdn Bhd
31. Eco Meadows Sdn Bhd
32. Eco Macalister Development Sdn Bhd
33. Eco Horizon Sdn Bhd
34. Eastin Hotel Penang
35. Citigroup Transaction Services (M) Sdn. Bhd.
36. Gurney Plaza
37. Knowles Ipc (M) Sdn. Bhd.
38. A Tu Z Wedding House Sdn Bhd
39. Dell Global Business Center Sdn Bhd (*Cyberjaya*)
40. Sharp-Ware Corporation (M) Sdn. Bhd.
41. Polydamic Sdn Bhd
42. The Wembley - A St Giles Hotel, Penang



Sebarang keterangan lanjut untuk menjadi Pejabat Hijau Pulau Pinang, sila layari laman web www.pgc.com.my/pgc

PBAPP 100% untuk kepentingan rakyat; guna air secara berhemah, jangan bazir

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

PERBADANAN Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menasihati orang ramai agar menggunakan air secara berhemah ekoran cuaca panas dan kemarau yang melanda negara kini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, kapasiti efektif di Empangan Air Itam menurun dengan mendadak iaitu daripada 92.2 peratus kepada 67.3 peratus bagi tempoh 1 Januari sehingga 18 Februari 2019 baru-baru ini.

Situasi ini, menurutnya, adalah disebabkan oleh faktor cuaca yang panas dan kurangnya taburan hujan berbanding tahun sebelumnya.

"Selain itu, di Pulau Pinang, bermula daripada sambutan Hari Krismas sehingga ke Pesta Belon Panas dan Tahun Baru Cina...permintaan air adalah sangat tinggi ekoran kedatangan pelancong ke sini."

"Oleh itu, pihak PBAPP menasihati pengguna agar mengurangkan penggunaan air, jimat air dan jangan membazir.

"PBAPP akan memantau takungan efektif di Empangan Air Itam setiap hari selain daripada mengurangkan pelepasan air dari empangan tersebut," ujar beliau ketika ditemu ramah oleh Mutiara.fm 28 Februari lalu.

Menurut Jaseni, sebagaimana pada tahun 2016 ketika terjadinya 'Super El Nino', yang mana tiada hujan langsung sehingga bulan Jun, PBAPP melakukan 'cloud seeding' (pembentahan hujan).

"Selain itu juga, kita mengarahkan supaya penanaman padi ditangguhkan buat sementara waktu bagi membolehkan air tersebut digunakan untuk kegunaan harian lain," jelasnya.

Mekanisme Penentuan Tarif oleh KATS

Apabila diajukan soalan mengenai pengurangan kadar subsidi air domestik, Jaseni memaklumkan bahawa Menteri di Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS), Dr. Xavier Jayakumar kini sedang berusaha untuk mendapatkan kelulusan pelaksanaan Mekanisme Penentuan Tarif.

"Mekanisme ini akan menentukan tarif secara telus yang mana orang ramai boleh melihat sendiri bagaimana tarif disemak."

"Namun, ia baru di peringkat mendengar pandangan daripada operator air dan negeri-negeri seluruh Malaysia, belumpun

diluluskan di Kabinet lagi.

"(Dan) PBAPP belum memohon untuk membuat semakan tarif kerana masih menunggu (kelulusan) mekanisme tersebut."

"Permohonan untuk semak tarif juga hanya boleh dibuat oleh PBAPP dan bukannya Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Apabila formula itu diluluskan, PBAPP akan membuat permohonan dan lihat langkah seterusnya... buat masa ini belum ada apa-apa lagi," respons beliau terhadap dakwaan kononnya akan berlaku kenaikan tarif air di negeri ini.

Tambah Jaseni, pihaknya akan membuat perancangan untuk 10 tahun ke hadapan supaya tidak timbul krisis bekalan air.

"Bagi tempoh 2019 sehingga 2021, PBAPP melabur RM501 juta bagi melaksanakan projek-projek bekalan air yang akan memenuhi permintaan bekalan air pada masa hadapan."

"Pengurangan subsidi juga dijangka akan melebihi RM100 juta yang mana subsidi kini tidak munasabah, namun PBAPP akan mengurangkan subsidi secara berperingkat pada masa hadapan."

"Selain itu, pendapatan yang diperoleh PBAPP akan dipulangkan semula kepada rakyat melalui projek-projek bekalan air...100 peratus untuk kepentingan rakyat," tegasnya.

Fungsi PBAPP dan jaminan bekalan air berkualiti

Sebelum dikorporatkan pada tahun 1999, PBAPP dikenali sebagai Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang (1973), dan pada 2002 ia disenaraikan di Burma Malaysia sebagai syarikat bekalan air swasta.

Meskipun, syarikat swasta, pemegang saham majoriti adalah Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Model ini (yang mana syarikat swasta di bawah kawalan Kerajaan Negeri) adalah paling sempurna kerana ada kawalan dan juga keseimbangan untuk



IR. Jaseni Maidinsa ketika di konti Mutiara.fm di sini baru-baru ini.

bekerja dengan lebih efisien serta produktif.

"Sebab itulah, PBAPP menjual air dengan harga yang sederhana kepada 1.77 juta rakyat Pulau Pinang.

"Sehingga Disember 2018, PBAPP membekalkan air kepada 616,082 akaun air, yang mana 14 peratus adalah akaun perniagaan dan 86 peratus akaun domestik.

"Secara liputan pula, PBAPP membekalkan air 100 peratus ke seluruh (kawasan bandar) di Pulau Pinang dan sebanyak 99.8 peratus pengguna di luar bandar serta 0.2 peratus di kawasan bukit atau pertanian yang tidak memerlukan sumber air (daripada PBAPP).

"Dari segi kualiti, PBAPP memberi jaminan bahawa kualiti air adalah terjamin mengikut piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia pada harga yang paling rendah di Malaysia," katanya.

Malah, PBAPP, tambah beliau, menyokong visi Penang2030 yang disarankan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan

Chow Kon Yeow serta memberi jaminan tiada catuan air bagi kelangsungan hidup rakyat Pulau Pinang.

Saranan KATS mengenai penggunaan air domestik per kapita sehari

Menurut Jaseni, rakyat di negeri ini menggunakan air terlalu banyak dan antara faktor penyumbang adalah harga air yang terlalu rendah berbanding negeri-negeri lain di Malaysia.

"Malah, Menteri (di KATS) turut menasihatkan agar penggunaan air dapat dikurangkan bagi negeri Pulau Pinang.

"Sebagai makluman, berdasarkan penggunaan air domestik per kapita sehari, Pulau Pinang mencatatkan 178 liter per kapita sehari penggunaan air berbanding kadar per kapita kebangsaan yang ditetapkan pada 201 liter per kapita sehari.

"(Dan) United Nation (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu) pula menetapkan

sasaran 160 liter per kapita sehari.

"Sebab itu, pihak kementerian (KATS) memberi saranan penggunaan air domestik per kapita sehari seluruh negara pada kadar 180 liter dan kita (PBAPP) sedang berusaha untuk mencapai sasaran ini," jelasnya yang turut berharap agar pengguna di negeri ini tidak membazir air dan menggunakan air secara berhemah.

Tambah Jaseni, sumber air di Pulau Pinang, 80 peratus adalah daripada Sungai Muda yang mengalir daripada kawasan tадahan air Ulu Muda di Kedah.

"PBAPP turut menyuarakan kepada pihak Kerajaan Persekutuan agar kawasan ini diwartakan...apabila diwartakan maka tiada pembalakan."

"(Dan) PBAPP menyarankan agar diberikan pampasan sewajarnya kepada negeri Kedah (ekoran perwartaan kawasan tадahan air Ulu Muda)," ujarnya.

MPSP terima pengiktirafan 5 Bintang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : NOOR SITI NABILAH NOORAZIS

SEBERANG JAYA

- Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang diaudit oleh Jabatan Audit Negara (JAN) bagi tahun 2017 diiktiraf berada pada tahap Cemerlang iaitu 5 Bintang dengan mata pencapaian 90.10 peratus.

Yang di-Pertua Majlis, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa MPSP berjaya mengekalkan rekod cemerlang kerana tiap-tiap jabatan dalam pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan sejak 2016 lagi mengamalkan konsep Audit Diri Sendiri (*Self Auditing*) demi memastikan semua kriteria Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) yang digariskan oleh JAN sentiasa dipenuhi.

"Menerusi konsep ini, pemindahan pengetahuan atau *transfer of knowledge* dalam kalangan kakitangan berkenaan dengan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) berlaku kerana semua kriteria Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) yang terdiri daripada undang-undang serta peraturan

berkaitan perlu dianalisa pematuhannya oleh kakitangan sebelum menjawab soalan disediakan di dalam Sistem Pemantauan Pengurusan Kewangan (SPPK) yang dikendalikan oleh Unit Audit Dalam MPSP," jelasnya selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis di sini pada 25 Februari 2019.



SR. Rozali Mohamud (empat dari kanan) menunjukkan plak pengiktirafan 5 Bintang oleh JAN pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Air Tawar, Mustafa Kamal Ahmad; Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmud dan barisan Ahli Majlis bagi MPSP turut serta sidang media berkaitan.

Difahamkan, kali pertama MPSP diaudit pada tahun 2010 dengan pencapaian 88.79 peratus, berada pada tahap Baik iaitu 3

Bintang.

Kali kedua MPSP diaudit pada tahun 2013, mendapat 89.97 peratus berada pada tahap Baik dengan 4 Bintang.

Pengauditan MPSP terbaru iaitu pada tahun 2017 adalah kali yang ketiga, turut melibatkan lapan jabatan serta agensi negeri lain di Pulau Pinang.

Kupon parkir 40 sen sejam, kenapa tidak boleh ikut peraturan? tanya YDP

SEBERANG JAYA - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam tempoh bulan September 2018 hingga 22 Februari 2019 telah menunda 59 kenderaan yang mempunyai rekod tunggakan lebih 10 kompaun.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa pentadbirannya turut menganjurkan program promosi potongan 50 peratus kompaun - dalam tempoh selama sebulan dan bukan sehari pada Ogos tahun lepas - demi menggalakkan lagi penduduk mematuhi peraturan berwajib di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT).

Namun, katanya, pelbagai pendekatan itu seakan tidak banyak mengubah tabiat penduduk Seberang Perai untuk menggunakan kupon parkir yang sebenarnya sangat mudah untuk dibeli di tempat-tempat awam.

"Walaupun kita telah ambil tindakan tegas, termasuk tunda

kenderaan dan anjur publisiti potongan bayar kompaun, tapi kalau dilihat pada 87,039 kompaun baru yang baru dikeluarkan ini, nampaknya penduduk Seberang Perai seakan tidak ada perubahan sikap.

"Saya amat kecewa, kenapa tidak ada perubahan?

"Saya harap masyarakat beritahu saya kenapa tidak boleh ikut peraturan, kupon parkir kita hanya 40 sen sejam," ujar Rozali pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis di sini 25 Februari 2019.

Justeru, tambah beliau, Kerajaan Negeri melalui MPSP sedang mempertimbang cadangan pelaksanaan sistem parkir pintar, kelak.

"Untuk menyelesaikan semua masalah ini, pertama sekali sistem 'smart parking' ini akan diumumkan oleh Kerajaan Negeri...," jelasnya.

Pelan Tindakan Pengurusan Sisa Pepejal MPSP sasar kurang 50% sisa, kitar semula naik 70%

SEBERANG JAYA - Program pengkomposan sisa membabitkan kompleks makanan, restoran 24 jam dan pasar awam yang akan dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) diharap dapat melencangkan lagi sisa terkumpul ke Pusat Pelupusan Sampah Pulau Burung, sekaligus menjimatkan kos yang sepatutnya dibayar oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa sisa kebun yang dihasilkan melalui pencantasan daun pokok, kerja-kerja pembersihan dan sisa gotong-royong turut akan ditanam di bahu-bahu jalan tempat aktiviti itu dilaksanakan.

Semua itu, ulas beliau, akan dilaksanakan di bawah Pelan Tindakan Pengurusan Sisa Pepejal MPSP bagi tahun 2019 hingga 2022 dengan mensasarkan pengurangan

sisa pepejal sebanyak 50 peratus serta meningkatkan kadar kitar semula sehingga 70 peratus di Seberang Perai.

"Pertambahan penduduk Seberang Perai setiap tahun akan meningkatkan lagi jumlah penghasilan sampah, oleh itu MPSP telah merangka satu pelan tindakan bagi mengurangkan sisa pepejal per kapita.

"(Melalui pelan tindakan ini) pengurusan sisa pepejal tidak mampu dicapai tanpa sistem yang menguruskan sisa daripada sumber penghasilannya sehingga kepada pelupusan sisa-sisa tersebut," jelasnya dalam sidang media di sini 25 Februari 2019.

Direkodkan, sepanjang tahun 2018 menyaksikan berat sisa pepejal yang dihasilkan di Seberang Perai meliputi sampah domestik, industri, sisa kebun dan lain-lain adalah sebanyak 476,991 tan.

Pusat Transit Gelandangan berkonsep NZ3 bakal dibina

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

GEORGE TOWN – Sebagai inisiatif dalam menangani isu-isu gelandangan di bandar raya ini, Kerajaan Negeri dengan kolaborasi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan sektor swasta bakal membangunkan sebuah Pusat Transit Gelandangan dekat Jalan C.Y. Choy di sini.

Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata, pusat transit berkenaan akan dibangunkan di atas sebuah tapak milik MBPP berkeluasan 3,300 kaki persegi (kp) dan kosnya bakal dibiayai pihak Kerajaan Negeri.

“Pusat ini telah mempunyai cadangan reka bentuk, justeru diharap dengan kolaborasi di antara Kerajaan Negeri, MBPP dan pihak swasta, ia dapat disiapkan dengan secepat mungkin bagi menangani isu-isu gelandangan di sini,” ujarnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) 27 Februari lalu.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya, Ir. Addnan Mohd. Razali, Ahli-ahli Majlis



AR. Yew Tung Seang (bertali leher merah) pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

serta Ketua-ketua Jabatan MBPP.

Menurut Tung Seang, lebih istimewa adalah Pusat Transit Gelandangan tersebut

juga bakal menjadi projek perintis di Pulau Pinang dan mungkin dalam negara yang menggunakan pendekatan *Three Net Zero*

(NZ3) iaitu sifar tenaga, sifar air serta sifar sisira.

“Ke arah sebuah bandar raya rendah karbon, sememangnya semua projek pembangunan di bawah MBPP perlu dinilai dengan GBI (Indeks Bangunan Hijau), tapi projek ini merupakan yang pertama menggunakan pendekatan NZ3.

“Majlis (MBPP) mengambil cabaran untuk melaksanakan NZ3 ini walaupun hakikatnya ia bukan mudah untuk dicapai, dan sekiranya kita berjaya... ia adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia.

“Walau bagaimanapun, untuk memastikan projek ini berjaya, kita (MBPP) akan berbincang dengan lebih lanjut bersama-sama konsultan dan YB Phee (Boon Poh) iaitu Exco Kebajikan berhubung bagaimanakah NZ3 ini boleh direalisasikan,” jelasnya.

Konsep *net zero* adalah menggunakan bekalan tenaga yang boleh diperbaharui (RES) iaitu menggunakan tenaga sebanyak mana yang dihasilkan sahaja bagi mencapai keseimbangan mapan antara ketersediaan dan permintaan air serta menghapuskan sisa pepejal dari diantar ke tapak pelupusan.

Rejuvenasi sembilan rumah kedai warisan suntik suasana baru

GEORGE TOWN – Sebanyak sembilan unit rumah kedai warisan di Lebuh Acheh bakal direjuvenasikan sebagai Sekolah Digital dan Kemahiran Masa Depan yang merangkumi ruang pembelajaran, ruang kerja dan (ruang) tempat tinggal bagi pelajar serta golongan profesional.

Projek pembangunan RM2.6 juta yang terletak di dalam kawasan Tapak Warisan Dunia George Town tersebut bakal dibiayai pihak swasta.

Wakil penaja merangkap pemaju, Datuk Seri Stephan Yeap menyatakan bahawa kerja-kerja merejuvenasikan semula rumah kedai warisan tersebut bakal menampilkan 17 bilik studio yang mana masing-masing dilengkapi bilik mandi, dapur dan ruang-ruang lain yang akan diubah menjadi sudut pembelajaran bengkel serta kelas.

“Ia adalah konsep bersepadu untuk mengumpulkan mereka yang mempunyai idea sama di bawah satu bumbung.

“Lokasi tersebut mampu menampung di antara 25 hingga 30 pelajar yang mana tumpuan pembelajaran akan difokuskan kepada pembangunan perisian serta kecerdasan buatan (AI),” ujarnya pada sidang media selepas lawatan tapak di sini 20 Februari lalu.

Difahamkan, projek berkaitan mengambil masa kira-kira 10 bulan untuk disiapkan yang mana empat unit rumah kedai dijangka siap pada Oktober dan bakinya, November.

Hadir sama, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang



(MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang, Mohamed Akbar Mustapha (Pengarah Khidmat Pengurusan MBPP) dan Eksekutif Ayuh Bina Sdn. Bhd., Howie Chang.

Dalam pada itu, Tung Seang ketika ditemui memberitahu bahawa projek tersebut mampu menyuntik suasana baharu di dalam kawasan George Town khususnya.

Mengulas lanjut, menurut Tung Seang, konsep yang diketengahkan itu mampu memaksimumkan penggunaan ruang di kawasan bandar.

“Kita (MBPP) sentiasa memberikan sokongan kepada projek-projek seperti ini, ia akan menyinarkan kembali kawasan George Town terutamanya apabila menjadi lokasi ideal untuk golongan muda berkumpul,” jelasnya.



UNIT-unit rumah kedai warisan di Lebuh Acheh yang bakal direjuvenasikan.

5,000 peserta dijangka sertai APUF-7

GEORGE TOWN – Asia Pasific Urban Forum (APUF-7) yang akan berlangsung di Setia Spice Convention Centre pada 15 hingga 17 Oktober ini dijangka disertai 5,000 peserta.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata, penyertaan itu adalah membabitkan negara rantau Asia Pasifik, selain penyertaan peserta tempatan.

Menurutnya, Pulau Pinang amat berbesar hati diberikan peluang untuk menjadi tuan rumah pada penganjuran bertaraf antarabangsa.

“Sekali lagi kita (Pulau Pinang) berpeluang menunjukkan kapasiti dan kemampuan untuk menganjurkan acara bertaraf antarabangsa.

“Kita mampu untuk melaksanakannya serta menonjolkan keupayaan serta keunikan yang ada di negeri ini,” ujarnya ketika mengumumkan perkara berkenaan sejurus tamat Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) di sini 27 Februari lalu.

APUF-7 dianjurkan oleh United Nations Economic and Social Commission for Asia and Pacific (UN-ESCAP) dengan kerjasama Urbanice Malaysia, United Nations Human Settlement Programme (UN-Habitat) dan Kerajaan Malaysia.

Forum tersebut bertujuan mencari penyelesaian bagi menjadikan bandar-bandar di masa hadapan lebih berdaya tahan dalam menghadapi cabaran yang semakin meningkat.

Pasang 'roller shutter', Kompleks Pasar Awam Paya Terubong dijadual buka April

Gambar : J. PATMAVATHY

PAYA TERUBONG – Semua 111 lot komersial di Kompleks Pasar Awam Paya Terubong bakal dipasang 'roller shutter' terlebih dahulu sebelum acara perasmian pembukaan April ini.

Mengumumkan perkara itu, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh memberitahu bahawa kos pemasangan berkaitan yang dianggarkan RM100,000 akan ditanggung beliau bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Tambahnya, kerja-kerja pemasangan 'roller shutter' tersebut dipertimbangkan ekoran permintaan daripada golongan penjaja yang bakal menyewa lot-lot komersial di lokasi berkaitan.

"Permintaan ini boleh diselesaikan sebelum pembukaan yang dicadangkan pada bulan April," katanya ketika melawat tapak pemajuan kompleks jaja dan makanan di sini pada 16 Februari 2019.

Bercakap kepada pemberitahu, Soon Hin menyatakan bahawa kompleks

itu sepatutnya dijadualkan siap pada Disember tahun lepas, kemudian ditangguhkan buat kali kedua pada Februari 2019.

Tambah Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian berkenaan, projek bernilai RM8 juta itu sepatutnya siap mengikut jadual dan bukan tertangguh sebanyak dua kali.


Justeru, beliau meminta MBPP menaik taraf bangunan itu dengan segala kemudahan yang diperlukan.

Mengulas lanjut, Soon Hin memberitahu bahawa kontraktor berkenaan juga diminta segera menyiapkan baki kerja-kerja pemajuan termasuk pemasangan 'roller shutter' sebelum pembukaan kompleks itu yang dijadual pada April ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Ramkarpal mencadangkan beberapa gerai yang masih beroperasi di tepi jalan dekat Tingkat Paya Terubong 4 supaya dipindahkan ke dalam kompleks pasar baru tersebut, demi mengurangkan lagi cabaran trafik sesak di sepanjang jalan di sini.



RAMKARPAL Singh (berkemeja putih, lapan dari kiri), Yeoh Soon Hin (berbaju putih, sembilan dari kiri) dan wakil MBPP merakam gambar bersama-sama pihak berkepentingan setempat pada lawatan ke Kompleks Pasar Awam Paya Terubong di sini baru-baru ini.



RUMAH TERES 2 TINGKAT
Jenis A - Bilangan Unit : 30
Harga Jualan: RM 382,850.00 (min) - RM 575,000.00 (mak)
Keluasan Tanah: 1,360kps (min) - 2,279 kps (mak)
Keluasan Binaan : 2,204 kps

Jenis B - Bilangan Unit :13
Harga Jualan : RM 449,,000.00 (min) - RM 612,388.00 (mak)
Keluasan Tanah : 1,496 kps (min) - 2,286 kps (mak)
Keluasan Binaan : 2,433 kps

Jenis C - Bilangan Unit 1
Harga Jualan : RM 568,000.00 (min)- RM 568,000.00 (mak)
Keluasan Tanah : 2,636 kps (min) - 2,636 kps (mak)
Keluasan Binaan: 2,776 kps

Pemaju:
VILLA HECTARES SDN BHD (1046922-A)

Alamat pejabat:
26, Lorong Perusahaan Sungai Lokan 2,
Kawasan Perusahaan Sungai Lokan, 13800 Butterworth, Pulau Pinang
Tel: 04-356 3599 H/P: 013-408 8666, 012-527 1649
Fax: 04 356 6599 Email: info@vhgroup.my

VILLA HARMONY

TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI




Hakmilik Kekal
5% Diskaun untuk Bumiputera

RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT
Jenis A - Bilangan Unit : 4
Harga Jualan: RM 819,850.00 (min) - RM 1,001,500.00 (mak)
Keluasan Tanah : 3,445 kps (min)- 3,922 kps (mak)
Keluasan Binaan: 3,337 kps

RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT
Jenis B - Bilangan Unit : 4
Harga Jualan: RM 1,373,700.00 (min) - RM1,533,000.00 (mak)
Keluasan Tanah: 7,005 kps (min) - 8,715 kps (mak)
Keluasan Binaan: 6,677 kps

RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT
Bilangan Unit : 18
Harga Jualan: RM 583,110.00 (min)
RM 804,800.00 (mak)
Keluasan Tanah: 2,625 kps (min)
3,967 kps (mak)
Keluasan Binaan: 2,939 kps

PEJABAT KEDAI 2 TINGKAT
Jumlah Unit : 18
Harga Jualan : RM 508,000.00 (min)
RM 1,084,000.00 (mak)
Keluasan Tanah: 1,251 kps (min)
2,227 kps (mak)
Keluasan Binaan: 2,312 kps (min) - 3,861 kps (mak)



GPS Coordinates : 5.486318-100.47957

Sumbangan basikal diharap jana semangat tambahan

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

TELUK BAHANG – Seramai 40 pelajar terpilih daripada Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Teluk Bahang dan Bayan Lepas menerima sumbangan berupa basikal daripada Ahli Parlimen Balik Pulau, Muhammad Bakhtiar Wan Chik.

Majlis sumbangan berkaitan disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail mewakili Muhammad Bakhtiar yang tidak dapat hadir ekoran komitmen rasmi di ibu negara.

Ketika ditemui, Mohd. Tuah memaklumkan bahawa sumbangan tersebut merupakan suatu galakan kepada pelajar terpilih untuk ke sekolah dan juga masjid.

“Basikal-basikal ini akan memudahkan pergerakan para pelajar ke sekolah, malah pada masa sama memberi galakan tambahan serta semangat mereka untuk ke masjid terutamanya dalam menghadiri

program-program anjuran pihak-pihak berkaitan.

“Justeru, bagi pihak masjid, adalah digalakkan untuk perbanyakkan program berteraskan anak muda bagi tujuan berkaitan,” ucapnya pada Majlis Penyerahan Sumbangan Basikal dekat Sekolah Kebangsaan (SK) Teluk Bahang di sini 23 Februari lalu.

Hadir sama, Guru Besar, Sabarullah Ismail dan kepimpinan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Teluk Bahang.

Majlis serupa turut diadakan di SK Teluk Kumbar, Bayan Lepas.

Selain sumbangan basikal, kedua-dua sekolah turut menerima RM10,000 daripada peruntukan Muhammad Bakhtiar bagi tujuan pembangunan hal ehwal pelajar.

Dalam pada itu, di SK Teluk Bahang, Mohd. Tuah turut berkesempatan merasmikan program ‘Smart and Easy Table’ iaitu inisiatif pihak sekolah berkaitan dalam meringankan beg sekolah para pelajar.



MOHD. TUAH ISMAIL (berbaju batik) bergambar bersama-sama para pelajar dan wakil-wakil sekolah bersempena Majlis Penyerahan Sumbangan Basikal di sini baru-baru ini.

Pusat tuisyen percuma KADUN Tanjong Bunga bantu kurang beban ibu bapa

GEORGE TOWN – Pusat Tuisyen Rakyat percuma Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Tanjong Bunga mulai Mac 2019 adalah bagi membantu pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Zairil Khir Johari berkata, program anjuran bersama Penggerak Komuniti Muda (PEKA) itu menasarkan pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun ini.

“Program ini adalah salah satu usaha Kerajaan Negeri untuk membantu pelajar khususnya daripada keluarga berpendapatan rendah kerana kita tahu ramai pelajar memerlukan bantuan tetapi ibu bapa mereka tidak mampu.

“Oleh itu, kita amat mengalu-alukan

keluarga kurang berkemampuan untuk mendaftarkan anak-anak mengikuti tuisyen secara percuma ini sebagai persediaan mereka menghadapi peperiksaan,” ujarnya pada sidang media di sini 19 Februari lalu.

Turut serta, Penyelaras PEKA, Mohd. Hazizi Padzil dan Ahli Jawatankuasa PEKA, Mastura Afandi.

Tambah Zairil, program tersebut adalah bakal melibatkan mata pelajaran sains dan matematik bagi pelajar UPSR serta PT3, manakala matematik dan bahasa Inggeris (SPM).

“Setiap kelas boleh didaftarkan maksimum 30 murid dengan masa pembelajaran adalah selama 1 jam 30 minit pada setiap hari Sabtu,” katanya.

Maklumat berkaitan pendaftaran boleh hubungi talian 04 - 890 3866/016 - 214 2248 atau hadir ke Pusat Khidmat ADUN Tanjong Bunga di Jalan Desiran Tanjung.



ZAIRIL KHIR JOHARI (tengah) dan dua wakil daripada PEKA menunjukkan poster Pusat Tuisyen Rakyat percuma KADUN Tanjong Bunga pada majlis sidang mediana di sini baru-baru ini.



MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

IKLAN JAWATAN


Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut:

BIL	NAMA JAWATAN	GRED	TARAF
1.	Penolong Pegawai Tadbir	N29	Tetap/Kontrak
2.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan	U29	Tetap/Kontrak
3.	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa	JA29	Tetap/Kontrak
4.	Penolong Arkitek Landskap	JA29	Tetap/Kontrak
5.	Penolong Pegawai Veterinar	G29	Tetap/Kontrak
6.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19	Tetap/Kontrak
7.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	Tetap/Kontrak
8.	Pembantu Penilaian	W19	Tetap/Kontrak
9.	Pembantu Kesihatan Awam	U19	Tetap/Kontrak
10.	Pembantu Kemahiran	H19	Tetap/Kontrak
11.	Pengawal Keselamatan	KP11	Kontrak
12.	Pemandu Kenderaan	H11	Kontrak
13.	Pembantu Awam	H11	Kontrak
14.	Pengantar Notis	N11	Kontrak

CARA MEMOHON : Semua permohonan jawatan perlu dibuat secara atas talian (‘on-line’) menerusi portal rasmi <http://www.mbpp.gov.my> atau <http://eperjawatan.mbpp.gov.my> mulai 16 Mac 2019.


TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 29 Mac 2019

Sebarang kemusyikan atau permasalahan berhubung permohonan ini, sila hubungi **Bahagian Pengurusan Modal Insan** di talian berikut:- 04-2592115 / 2311 / 2245



Bakat Si Cilik - Mewarna 1/2019

The logo features the word "PENANG" in a vertical, bold, sans-serif font on the left. To its right is a stylized number "30" where the top circle contains a diagonal slash, indicating it is 30 years old.



Sıla içi hıfızın herikisi:

:EWEN

No Murkid/Kad Banganalam

Alamati

卷之三

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: _____

F-1

Termasuk Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari **1 Februari 2019** hingga **31 Mei 2019**.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Sesulut Lukisan akan menjadi hak penganijur.
6. Keputusan pengadil adalah mutlakamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganijur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

Hadiyah:

Pertama: RM250
Kedua: RM150
Ketiga: RM100

Disiar oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang